



KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN

KURANGKAN RISIKO
KETIKA AKTIVITI
PENDAKIAN

PROGRAM PENANAMAN

100 JUTA POKOK

MOSSY FOREST

KINI BERWAJAH BARU

STOK POKOK BESAR

BERIKAN IMPAK YANG
CEPAT UNTUK TANAMAN
LANDSKAP





SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2022

PENASIHAT

YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

PENERUSI

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus
Timbalan Pengarah
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Jawatankuasa Majutan 2022

- Raffae bin Ahmad
- Kholizan binti Jamaludin
- Siti Aisah binti Dahlan

Wakil Jawatankuasa Neaeri

- Nurfazilawati binti Jauhari (JPN Johor)
- Zawawi bin Abd Rahman (JPN Kelantan)
- Umikalsum binti Nan (JPN Melaka)
- Sanja A/P Boon Kong (JPN Pulau Pinang)
- Syed Mohd Adzha bin Syed Khalid (JPN Selangor)
- Rafizah binti Minhat (JPN Negeri Sembilan)
- Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Fadhilah binti Mohamad (JPN Perlis)
- Mohd Zaki bin Md Nor (JPWP Kuala Lumpur)
- Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin (JPN Pahang)
- Norliza binti Md (JPN Melaka)

Kata alu-aluan ketua pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-buletin MAJUTAN Edisi Januari-Jun 2022 dapat disiapkan dan diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN, dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama yang melibatkan JPSM. Antaranya adalah Kursus Malim Gunung Perhutanan, Bengkel Pembangunan dan Pemerkasaan Perhutanan Sosial dan Mini Lab Pemurnian Standard Operating Procedure (SOP) Pengeluaran Permit dan Penguatkuasaan Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) serta penyediaan SOP Konsainan dan Barang Rampasan.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan/Kelab

- Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Nabilah Hamidah binti Sabar (BSB)
- Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- Suhana binti Bebakar (BLH)
- Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Siti Marwiyah binti Abu Bakar (BPK)
- Mohd Zulkhairi bin Zulkaflyn (BEP)
- Rahaiyu binti Rahman (BKP)
- Maziah binti Kamaruzaman (UIP)
- Mohd Zarin bin Ramli (BPP)
- Jennifer anak Francis (BHA)
- Alisah binti Simin (UKKPA)
- Nor Wahidah binti Amran (BPM)
- Choong Huey Jin (PKSIP)
- Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)

Isi Kandungan

TAJUK

MUKA SURAT

HIJAUKAN BUMI AZAM TAHUN BARU 2022	01
LAWATAN KE THE HABITAT, BUKIT BENDERA TAMAN NEGARA PULAU PINANG DAN TAMAN RIMBA TELUK BAHANG	02
BENGKEL PENETAPAN SASARAN PENGHASILAN KERJA TAHUN 2022	03
LAWATAN KERJA BERSAMA YAB. MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN KE PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG BESOUT	04
MESYUARAT KHAS PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA	05
LAWATAN KERJA RASMI YB. TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II KEMENTERIAN KEWANGAN BERSAMA KASTAM PERLIS	07
LAWATAN KERJA DELEGASI DUTA EROPAH ANJURAN KERAJANAN NEGERI PERAK	08
MESYUARAT PEMURNIAN SPESIFIKASI PROJEK PENDIGITALAN SUMBER DAN OPERASI HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA	09
OPERASI SMART PATROL NEGERI PERAK ANJURAN PROJEK <i>IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)</i>	10
KURSUS PEMANTAPAN JURUPANDU GUA BATU MALOI, JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN	11
LAWATAN KERJA RASMI MyDIGITAL CORPORATION KE VIRTUAL REALITY (VR) GUA KELAM II	12
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA KE-51 PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2022	13
PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2022	14
STOK POKOK BESAR BERIKAN IMPAK YANG CEPAT UNTUK TANAMAN LANDSKAP	15
PROGRAM SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH NEGERI SEMBILAN UTARA (PHDSNU)	17
KEMPEN PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PERLIS	18
KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN IMEJ REMOTE SENSING DAN MAKLUMAT SPATIAL DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA WEB -BASED	19
JPSM MANTAPKAN LAGI KEMAHIRAN PENILAIAN KUALITI AIR SUNGAI	20
MINI LAB PEMURNIAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENGELOUARAN PERMIT DAN PENGUATKUASAAN CITES SERTA PENYEDIAAN SOP KONSAINAN DAN BARANG RAMPASAN	21
KURSUS MALIM GUNUNG PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH	22
LAWATAN KERJA RASMI YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KE PERLIS	23
LATIH PEGAWAI MENANGANI KEBAKARAN HUTAN	24
PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA MASJID DALAM TAMAN, INDAH DAN CERIA PERINGKAT NEGERI PERAK	25
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2022 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU	26
VOLUNTURISM ECO HIKE @ BUKIT GAPIS , GUNUNG MELAKA	27
SISTEM SMART PATROL DI BAWAH PROJEK <i>IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)</i>	28
PEGAWAI JPSM DAN PENGKAJI MENAWAN PUNCAK LAGENDA GUNUNG MACHINCHANG-MINI EKSPEDISI KEPELBAGAIAN NEPENTHES DAN ORKID HUTAN	29
KURSUS PENGURUSAN HOSPITALITI DAN EKOPELANCONGAN	31
MESYUARAT KERJASAMA ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN KIMIA MALAYSIA	32
MAJLIS PEMBERIANKUASA AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (AKTA 716)	33
PROGRAM SEMPENA HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA PERPUSTAKAAN	34
MAJLIS PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK DAN ANAK POKOK KEPADA ORANG KAMPUNG SERTA PENANAMAN POKOK	35
MAJLIS PERASMIAAN SISTEM iFOREST: PERMOHONAN PERMIT MEMASUKI HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI KEDAH	36

Isi Kandungan

TAJUK	MUKA SURAT
PROGRAM VOLUNTURISM MALAYSIA BERSIH & INDAH: PENGHIJAUAN MALAYSIA	37
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK	38
MAJLIS RUMAH TERBUKA JPSM BERSEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1443H/2022	39
<i>THE 17TH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP OF FOREST MANAGEMENT</i>	40
LAWATAN KERJA RASMI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA) DAN KETUA PENGARAH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE PERLIS	41
PROGRAM KEMBARA HIJAU BERSAMA HIMPUNAN OUTDOORiANS MALAYSIA SEMPENA KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA DAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS	42
PROGRAM PENANAMAN 100 JUTA POKOK	43
PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL BANTU KOMUNITI ORANG ASLI DI RPS AIR BANUN	44
SAVE FORESTS, SAVE OUR FUTURE	45
<i>THE 16TH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON SOCIAL FORESTRY</i>	46
LAWATAN KERJA KE PETAK HCVA POKOK CHENGAL BESAR, HUTAN SIMPAN PASIR RAJA SELATAN	47
KURSUS ASAS PENGENALAN DAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR TAPIR	48
BUSINESS OPPORTUNITIES THROUGH PAYMENT FOR ECOSYSTEM SERVICES (PES) FORUM YEAR 2022	49
KURSUS PENGUKUHAN PENGENDALIAN DRON	50
PERKONGSIAN KEPAKARAN ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM TRADE FAIR, BUSINESS AND INVESTORS SUMMIT	51
EKSPLORASI DENAI HUTAN TAMAN TUGU KUALA LUMPUR 2022	52
KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN BANTU KURANGKAN RISIKO KETIKA AKTIVITI PENDAKIAN	53
HIJAU DI PAVILION	54
BENGKEL PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN PERHUTANAN SOSIAL	55
BENGKEL PENYEDIAAN "CORPORA DELICTI" GARIS PANDUAN PEMBUKTIAN ELEMEN-ELEMEN KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA 313 DAN AKTA 314	56
AKTIVITI MYSTERY SHOPPING YANG DIJALANKAN OLEH UNIT INTEGRITI PERHUTANAN DI SEPANJANG BULAN JANUARI 2022 HINGGA BULAN JUN 2022	57
LAWATAN KE KAWASAN PENANAMAN YANG DILAKUKAN OLEH BADAN-BADAN BUKAN KERAJANAN (NGO) MELALUI AKTIVITI KEMPEN KESEDARAN MASYARAKAT	58
MOSSY FOREST KINI BERWAJAH BAHRU	59



JAN-JUN 2022

Buletin Majutan

HIJAUKAN BUMI AZAM TAHUN BARU 2022

MUAR, 1 JANUARI 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengadakan program penanaman pokok pada 1 Januari 2022 di Kompartmen 8, Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar. Program ini diadakan bertujuan menyemarakkan lagi sambutan tahun baru serta memupuk dan pemangkin semangat kepada masyarakat untuk bersama-sama berazam mengekalkan kehijauan bumi dengan melaksanakan aktiviti penanaman pokok.

Penglibatan penuntut universiti dalam program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan generasi muda akan kepentingan pengekalan hutan dan litupan pokok kepada alam dan kehidupan manusia. Pelaksanaan program ini juga memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman menanam pokok hutan di samping menyumbang kepada Program Penghijauan Malaysia. Program ini selaras dengan tujuan Program Penghijauan Malaysia serta bagi mencapai sasaran penanaman pokok untuk Negeri Johor iaitu 4 juta pokok menjelang akhir tahun 2025.

Penyertaan hampir 70 orang pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia, sukarelawan EcoNinja, dan wakil komuniti sekitar Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar. Penanaman melibatkan 500 pokok yang terdiri daripada spesies Meranti, Kempas, Kundang Hutan, Saga dan Kasai.

Menurut Ts. Gs. Dr. Robiah binti Haji Suratman, Timbalan Pengarah Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia yang juga penyelaras Program Pentadbiran dan Pembangunan Tanah Fabu UTM, cadangan program ini tercetus atas dasar menyokong dan menunjukkan komitmen pelajar dan pihak Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM melalui dan agenda *Academic Service Learning* terhadap Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di seluruh negara. Simbolik tarikh 1 Januari 2022 juga telah dipilih untuk membawa wadah keazaman menyambut tahun baru dengan misi menyumbang kepada kelestarian negara melalui penghijauan bumi.

Disediakan oleh: Syaza Syahirah binti Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



PPN Johor telah merasmikan program ini



Pelajar UTM menanam pokok Meranti

LAWATAN KE THE HABITAT, BUKIT BENDERA TAMAN NEGARA PULAU PINANG DAN TAMAN RIMBA TELUK BAHANG

Disediakan oleh: Muhammad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

PULAU PINANG, 17&18 JANUARI 2022

Satu lawatan kerja Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Program Kerjasama dalam Bidang Latihan Perhutanan dan Ahli Mesyuarat Pemandu Program Kerjasama dalam Bidang Latihan Perhutanan antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Sarawak (JKKPKL JPSM - JHS) ke *The Habitat*, Bukit Bendera pada 17 Januari 2022. Di antara tarikan utama di *The Habitat* adalah laluan kanopi yang diberi nama *Langur Way* dan *Curtis Crest* yang merupakan titik tertinggi di mana kita dapat melihat pemandangan 360 darjah Pulau Pinang termasuk Georgetown.

Lawatan ke Taman Negara Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Januari 2022 meliputi beberapa kawasan seperti Pusat Konservasi Penyu, Pantai Kerachut di bawah pengurusan Jabatan Perikanan. Spesies penyu yang terdapat di sini adalah Penyu Agar dan Penyu Lipas. Lawatan lokasi ke-2 ialah ke Tasik Meromikтик yang terletak di Pantai Kerachut ini mempunyai 2 lapisan air yang berbeza suhu dan ketumpatan yang mana air laut akan berada di bahagian bawah (lebih tumpat) manakala air tawar berada di bahagian atas. Di dunia hanya terdapat dua tasik yang mengalami fenomena seperti ini iaitu di Pulau Pinang dan Australia.

Program lawatan diakhiri dengan penanaman pokok Merbau di Taman Rimba Teluk Bahang.



The Habitat Bukit Bendera



Taman Negara Pulau Pinang



Penanaman Pokok Merbau



Santuari Penyu

BENGKEL PENETAPAN SASARAN PENGHASILAN KERJA TAHUN 2022


KUALA LUMPUR, 25-27 JANUARI 2022

Selaras dengan strategi Kerajaan untuk mengukuhkan lagi pengurusan bakat dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan produktiviti negara, suatu inisiatif penyesuaian sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan serta pemberian ganjaran berasaskan prestasi telah diperkenalkan. Inisiatif ini merangkumi pengenalan Modul Pengurusan Prestasi - *MyPerformance* HRMIS dan tambah baik urus tadbir dua pengurusan prestasi bagi memperkasa (empower) jabatan dalam aspek pengurusan sumber manusia di jabatan masing-masing. Sehubungan dengan itu, perancangan sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan iaitu *MyPerformance* akan dilaksanakan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana mulai 1 Januari 2024. *MyPerformance* ini akan menggantikan sistem penilaian prestasi yang telah dilaksanakan melalui Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 iaitu Modul Pengurusan Prestasi - LNPT HRMIS.


Oleh yang demikian, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengadakan Bengkel Penetapan Sasaran Penghasilan Kerja (SPK) Tahun 2022 pada 25 hingga 27 Januari 2022 bagi membincangkan dan mengenal pasti Sasaran Kerja Utama (SKU) bagi Bahagian dan Unit di JPSM. Bengkel ini dijalankan selama tiga hari bertempat di Dewan Seminar Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.

MyPerformance mempunyai kepentingan kepada pegawai dan juga perkhidmatan di jabatan termasuklah meningkatkan penglibatan pelbagai peringkat pegawai dalam proses pengurusan prestasi, menggalakkan amalan memberi maklum balas prestasi dan pembangunan diri secara berterusan, membolehkan penilaian prestasi dibuat dengan lebih sistematik dan meyakinkan, membolehkan Ketua Jabatan melaksanakan pengurusan prestasi mengikut fungsi jabatan atau kesesuaian perkhidmatan, menggalakkan persaingan positif sesama pegawai bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan membolehkan maklumat pengurusan prestasi digunakan secara fleksibel bagi pelbagai tujuan pengurusan sumber manusia.

Disediakan oleh: Hamidah binti Muhamad
Bahagian Khidmat Pengurusan




Sesi pendaftaran peserta Bengkel Penetapan Sasaran Penghasilan Kerja



Sesi pembentangan draf pengisian Penetapan Sasaran Penghasilan Kerja

LAWATAN KERJA BERSAMA YAB. MENTERI BESAR PERAK KE PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG BESOUT



GUNUNG BESOUT, 10 FEBRUARI 2022

YAB. Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak telah membuat lawatan kerja ke kawasan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Gunung Besout, Daerah Hutan Perak Selatan. Turut serta dalam program lawatan kerja ini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Ketua-ketua Jabatan, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Satu taklimat berkaitan dengan pengurusan hutan dan Permit Penggunaan Pembangunan Ladang Hutan Gunung Besout telah disampaikan oleh Puan Siti Dessyma binti Isnani, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

YAB. Menteri Besar Perak telah meluangkan masa menanam pokok spesies *Eucalyptus* sebagai simbolik perasmian program lawatan kerja ini. YAB. Menteri Besar Perak, tetamu kehormat dan semua jemputan telah dibawa melawat ke petak tanaman pokok Getah, Batai, *Eucalyptus* dan Kelempayan serta membuat tinjauan secara langsung pembangunan kawasan ladang hutan melalui dron yang diterbangkan. Selesai lawatan di kawasan ladang hutan, semua jemputan telah dibawa melawat ke Rimba Tissue Culture Sdn. Bhd. iaitu sebuah makmal tisu kultur yang terletak di Sungkai, Perak.

Disediakan oleh: Khairul Na'im bin Ya'akub
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Menteri Besar Perak telah meluangkan masa menanam pokok *Eucalyptus*



Penerangan berkaitan tanaman pokok *Eucalyptus* oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan wakil Syarikat Getah Upaya Sdn. Bhd.

MESYUARAT KHAS PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA



MUAR, 14&15 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Mohamad Ifratshim bin Muhamad Sa'ed
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah terpilih untuk Mesyuarat Khas Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia yang telah berlangsung selama dua hari iaitu 14 dan 15 Februari 2022.

Ahli Mesyuarat telah dibawa melawat ke Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara (HTN AHU) yang terletak di Mukim Ayer Hitam, Daerah Muar, Johor.

Sesi lawatan telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan); YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman (Pengarah Perhutanan Negeri Johor), Tuan Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin (Pegawai Daerah Muar), Prof. Madya Dr. Kamarulzaki bin Mustafa (Provost UTHM Kampus Pagoh), Tuan Haji Zainudin bin Abd Wahab (Pengarah Perikanan Negeri Johor), Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) serta Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia.

Program bermula dengan lawatan ke Galeri Konservasi Ikan *Betta persephone* yang baru siap dibina di perkarangan Kompleks Penghulu Mukim Ayer Hitam. Galeri ini dibina dengan kerjasama Pejabat Daerah Muar dan Jabatan Perikanan Negeri Johor sebagai usaha memulihara spesies Ikan Laga *Betta persephone* yang diketahui endemik di HTN AHU.



Lawatan diteruskan dengan menaiki ATV ke Kompartmen 12, HTN AHU. Menyahut cabaran dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kebakaran hutan yang kerap melanda saban tahun, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membangunkan sistem SMORTEC yang berfungsi sebagai pengesan asap pintar yang mampu mengesan sekiranya berlaku kebakaran dan memaklumkan kepada jabatan untuk tindakan pantas sebelum api merebak lebih besar.

Para jemputan kemudiannya dibawa melawat ke habitat Periuk kera (*Nepenthes*) di HTN AHU. Sehingga kini, terdapat sembilan spesies *Nepenthes* telah direkodkan di HTN AHU di mana empat spesies merupakan spesies asal dan lima lagi merupakan spesies kacukan semulajadi (hibrid) *in-situ*.

Sebagai menghargai usaha konservasi yang telah digerakkan oleh sekumpulan peminat ikan Laga *Betta persephone*, para jemputan telah bersama-sama melepaskan kembali hampir 100 pasang induk *Betta persephone* yang telah dibiakkan oleh kumpulan tersebut dalam usaha memastikan kelangsungan spesies ini terjamin.

Situasi di HTN AHU merupakan bukti bahawa usaha konservasi yang berkesan tidak akan tercapai sekiranya ia hanya diletakkan di bahu agensi semata-mata namun harus digalas bersama oleh semua pihak termasuk Institusi Pengajaran Tinggi, komuniti setempat dan pihak-pihak berkepentingan.

Sesi Mesyuarat Khas Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Semenanjung Malaysia

MESYUARAT KHAS PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

SAMBUNGAN



Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) melawat Galeri Konservasi Ikan *Betta persephone* di kompleks Penghulu Mukim Ayer Hitam.



Lawatan ke tempat pemasangan pengesan asap pintar iaitu Sistem SMORTEC yang dibangunkan oleh UTHM bagi mengesan asap jika berlakunya kebakaran



Sesi lawatan ke tempat habitat Periuk Kera (*Nephentes*)



Pelepasan 100 pasang induk *Betta persephone* oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) bersama PPN Johor

LAWATAN KERJA RASMI YB. TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II KEMENTERIAN KEWANGAN BERSAMA KASTAM PERLIS

KANGAR, 22 FEBRUARI 2022

Lawatan Kerja Rasmi YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II, Kementerian Kewangan ke Taman Eko-Rimba Bukit Ayer dan Rimba Herba Perlis telah diadakan pada 22 Februari 2022.

YB. Timbalan Menteri telah disambut oleh Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis bersama Timbalan Pengarah Perhutanan Perlis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Selain itu, tetamu jemputan lain yang terlibat adalah Pengarah KASTAM Negeri Perlis serta pegawai-pegawai KASTAM Negeri Perlis. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan kepada YB Timbalan Menteri berkenaan dengan cadangan halatuju pembangunan di kawasan Kompleks Ekopelancongan Sg. Batu Pahat, Perlis.

YB. Timbalan Menteri juga turut di bawa ke Taman Eko-Rimba Bukit Ayer dan Rimba Herba Perlis diiringi PPN Perlis bersama Pengarah KASTAM Perlis bagi melihat aktiviti-aktiviti riadah dan kawasan pembangunan baru iaitu Bukit Ayer *Mini Theme Park* yang terdapat Taman Eko-Rimba Bukit Ayer. Selepas itu, YB Timbalan Menteri di bawa ke Rimba Herba Perlis untuk melihat pameran dan diberi penerangan mengenai kepelbagaiannya spesis tumbuhan herba serta khasiatnya serta acara menanam pokok Tongkat Ali serta mendengar taklimat hala tuju ekopelancongan Kompleks Sg. Batu Pahat, Perlis secara santai sambil minum petang. YB. Timbalan Menteri dan tetamu jemputan turut dihidangkan minuman jus herba iaitu Jus Belimbing Tanah dan Jus Pegaga.

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi menandatangani buku pelawat oleh YB. Menteri Kewangan II bersama Pengarah KASTAM Perlis diiringi PPN Perlis di Rimba Herba Perlis



Sesi penanaman pokok Tongkat Ali oleh YB. Menteri Kewangan II di Rimba Herba Perlis

LAWATAN KERJA DELEGASI DUTA EROPAH ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERAK

IPOH, 2 MAC 2022

Satu Lawatan Kerja Delegasi Duta Eropah anjuran Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada 2 Mac 2022. Kunjungan daripada barisan Duta-Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia (EU) telah diketuai oleh *His Excellency* Michalis Rokas, Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia dan turut melibatkan 10 duta negara Kesatuan Eropah iaitu Perancis, Belgium, Spain, Ireland, Finland, Jerman, Romania, Austria, Sweden dan Itali.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mewujudkan jalinan perhubungan strategik khususnya dalam industri pelaburan, perdagangan, pengajian tinggi, kajian dan kerjasama saintifik antara Negeri Perak dan Negara Kesatuan Eropah.

Beberapa Jabatan agensi di bawah Kerajaan Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan dan pembukaan booth pameran yang diadakan di Casuarina Convention Centre, Meru, Ipoh. Program ini dijadikan platform jalinan hubungan dan pada masa yang sama mempromosikan keistimewaan negeri Perak kepada pihak EU sama ada dari sudut pelancongan, kebudayaan, pengilangan, pembuatan dan sebagainya. Program ini juga telah memberikan peluang kepada JPNPk untuk membina satu hubungan kerjasama dengan Kerajaan Finland yang berminat dalam skop penguatkuasaan dan penggunaan teknologi jabatan ini.

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Pembentangan oleh JPNPk untuk menjelaskan skop tugas dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan serta pencapaian jabatan



Delegasi Duta menunjukkan minat terhadap model koridor ekologi *Central Forest Spine A-PL1* yang terletak di Hutan Simpan Amanjaya, Hulu Perak

MESYUARAT PEMURNIAN SPESIFIKASI PROJEK PENDIGITALAN SUMBER DAN OPERASI HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

MELAKA, 14 MAC 2022

Disediakan oleh: Nor Wahidah binti Amran
Bahagian Pengurusan Maklumat

Satu Mesyuarat Pemurnian Spesifikasi Projek Pendigitalan Sumber dan Operasi Hutan (PSOH) di Semenanjung Malaysia telah diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2022 bertempat di Hotel Lacrista, Melaka. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal) [TKP (OT)] dan turut disertai oleh 12 orang Ketua-Ketua Modul Psoh, ahli-ahli jawatankuasa kecil bagi setiap modul dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Maklumat sebagai penyelaras projek Psoh.

Tujuan mesyuarat pemurnian yang diadakan pada kali ini adalah untuk membuat proses pemurnian dan penilaian akhir spesifikasi Psoh yang telah disediakan dengan beberapa penambahbaikan dibuat oleh Jawatankuasa Modul yang dilantik. Penyediaan spesifikasi bagi 12 modul Psoh ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Modul menerusi dua siri bengkel yang diadakan pada 20 dan 21 April 2021 serta 16 dan 17 November 2021. Draf spesifikasi tersebut juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Psoh Bil. 2/2021 pada 14 Disember 2021 yang turut dipengerusikan oleh YBrs. Encik TKP (OT). Oleh itu, spesifikasi yang telah dimurnikan ini akan digunakan dalam proses pengiklanan tender yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan April 2022.



Sesi Bergambar Ahli Mesyuarat Pemurnian Spesifikasi Projek Psoh di Semenanjung Malaysia



Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal)



Sesi perbincangan pemurniaan spesifikasi Psoh

OPERASI SMART PATROL NEGERI PERAK ANJURAN PROJEK *IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)*

IPOH, 14-18 MAC 2022

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Seramai 20 orang pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) yang terdiri daripada 15 orang pegawai daripada Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, tiga orang pegawai daripada Seksyen Penguatkuasaan dan Operasi Hutan dan seorang pegawai daripada Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar telah menjalankan satu Operasi Penguatkuasaan SMART Bil. 1/2022 di Hutan Simpan Amanjaya dan Hutan Simpan Banding di Hulu Perak, Perak dari 14 hingga 18 Mac. Operasi ini juga telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang sudah mempunyai pengalaman dalam menggunakan sistem yang sama.

Operasi ini adalah selaras dengan salah satu sasaran projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* dalam menyelaraskan sistem yang digunakan untuk tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan supaya agensi-agensi yang berkaitan seperti JPNPK dan PERHILITAN dapat berkongsi data. Objektif operasi ini adalah untuk menggunakan sistem SMART bagi operasi penguatkuasaan di lapangan.

Operasi yang telah dijalankan adalah seolah operasi masa nyata, di mana pasukan melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di landskap yang sebenar. Sebelum menjalankan operasi di lapangan, pasukan penguatkuasa yang terlibat telah diberikan satu kursus *refresher* berkaitan dengan sistem SMART tersebut di mana model dan kriteria data telah ditekankan semula.

Para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan dimana setiapnya diketuai oleh Renjer Perhutanan sebagai ketua pasukan rondaan dan dibantu oleh Renjer PERHILITAN sebagai fasilitator sistem SMART. Para peserta telah menjalankan empat rondaan di empat lokasi berbeza, diikuti dengan kemasukan data semasa sesi yang diadakan pada sebelah petang atau malam. Semua peserta telah didedahkan dengan peranan yang berbeza dalam pasukan rondaan semasa menjalankan penguatkuasaan menggunakan SMART. Aktiviti itu juga diakhiri dengan sesi di mana pasukan dikehendaki melengkapkan analisis SWOT mengenai penggunaan SMART oleh pasukan penguatkuasa di Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta refleksi dan latihan sumbang saran strategi ke hadapan.



Pelaksanaan operasi di lapangan



Pasukan rondaan dan penguatkuasaan SMART memasukkan data ke dalam sistem



Pasukan Operasi SMART Negeri Perak Bil. 1/2022

KURSUS PEMANTAPAN JURUPANDU GUA BATU MALOI, JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

TAMPIN, 16&17 MAC 2022

Kursus Pemantapan Jurupandu Gua Batu Maloi telah diadakan dengan jayanya pada 16 dan 17 Mac 2022 bertempat di Taman Eko-Rimba Batu Maloi, Tampin, Negeri Sembilan. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Jurupandu dalam kalangan masyarakat tempatan telah menyertai kursus ini. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan di lapangan di samping meningkatkan kemahiran secara teori dan praktikal berkaitan pengurusan kecemasan kepada para peserta. Ini adalah selari dengan usaha Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam melahirkan jurupandu - jurupandu yang kompeten dan terlatih.

Kesemua jurupandu yang dipilih perlu lulus ujian teori dan praktikal seterusnya melayakkan mereka memperolehi sijil yang diiktiraf oleh pihak *Malaysia Aquatic Resque Association* (MAQRA). Melalui platform ini, mereka akan didaftarkan secara rasmi sebagai Jurupandu Gua Batu Maloi di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Orang awam atau pengunjung yang ingin menjalankan aktiviti jelajah gua di sini perlu mendapatkan khidmat Jurupandu yang berdaftar dengan Jabatan sahaja.

Selain itu, satu sesi memuktamadkan *Standard Operation Procedure* (SOP) Pelan Kecemasan Gua Batu Maloi juga telah diadakan dan telah mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan. Semoga dengan usaha - usaha daripada pihak Jabatan ini mampu memantapkan lagi pengurusan Taman Eko-Rimba Batu Maloi yang telah kembali beroperasi dan dibuka kepada orang ramai pada 17 Julai 2022.

Majlis Penutup Kursus Pemantapan Jurupandu Gua Batu Maloi ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan.

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Peserta Kursus Pemantapan Jurupandu
Gua Batu Maloi, Negeri Sembilan



Sesi simulasi menyelamat di lapangan

LAWATAN KERJA RASMI MyDIGITAL CORPORATION KE VIRTUAL REALITY(VR) GUA KELAM II

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KAKI BUKIT, 18 MAC 2022

Satu Lawatan Kerja Rasmi ke *Virtual Reality (VR)* Gua Kelam II telah diadakan di Galeri Gua Kelam, Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, Kaki Bukit Perlis pada 18 Mac 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif *MyDigital Corporation* iaitu Encik Fabian Bigar, wakil daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Puan Rozita binti Osman Ketua Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Kerajaan Negeri Perlis telah disambut oleh Encik Ag. Shaffie bin Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis bersama Timbalan Pengarah Perhutanan Perlis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Selain itu, tetamu jemputan lain yang terlibat adalah pegawai-pegawai dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan kepada tetamu jemputan berkenaan dengan pembangunan dan hala tuju produk ekopelancongan yang baru di Negeri Perlis iaitu penerokaan Gua Kelam II secara maya melalui *Virtual Reality (VR)*.

Antara inisiatif pembangunan penerokaan Gua Kelam II secara maya melalui VR ini adalah bagi memberi pendedahan dan tarikan baru kepada pengunjung dan memudahkan para pengunjung kelainan upaya (OKU) serta warga emas untuk sama-sama merasai pengalaman meneroka Gua Kelam II tanpa halangan fizikal. Tetamu jemputan diiringi PPN Perlis dibawa merasai sendiri pengalaman meneroka Gua Kelam II secara VR di Galeri Gua Kelam. *MyDigital Corporation* terus menyokong dan menggalakkan inovasi digital bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di negara ini.



Pengarah Perhutanan Negeri Perlis bersama Ketua Pegawai Eksekutif *MyDigital Corporation* dan tetamu jemputan lain mencuba VR Gua Kelam II



Sesi bergambar PPN Perlis bersama tetamu-tetamu jemputan

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA KE- 51 PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2022

KOTA BHARU, 21 MAC 2022

Disediakan oleh: Razlina Ermi binti Rejab
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Ke-51 pada 21 Mac 2022 bertempat di Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang, Kelantan dengan tema Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat (Forest for Community Livehood). Tema ini amat relevan dan bertepatan dengan kehendak dan aspirasi kerajaan yang komited terhadap peranan hutan dan alam sekitar serta kepentingannya kepada masyarakat dari segi nilai ekonomi dan fungsi ekosistem.

Pemilihan lokasi sambutan di Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang ini amatlah bertepatan dengan kesungguhan dan hasrat murni serta komitmen Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lebih banyak tempat-tempat riadah yang mengetengahkan unsur eko pelancongan.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB. Dato, Bentara Kanan, Haji Ahmad bin Yaakob dan turut dihadiri oleh YB. Datuk Abdullah bin Ya'kub selaku Speaker Dewan Negeri Kelantan, YB. Dato' Kaya Setia Datuk Nazran bin Muhamad selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan juga Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dalam pada itu, sempena Hari Hutan Antarabangsa peringkat Negeri Kelantan kali ini turut dirasmikan pokok Chengal sebagai pokok rasmi bagi Negeri Kelantan.



Penanaman pokok Chengal oleh
Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri



Barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan staff
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2022

LENGGONG, 21 MAC 2022

Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, Gerik telah menjayakan Program Penanaman Pokok sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2022 Peringkat Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak. Program ini telah dilancarkan oleh Encik Azrul Ekhsuan bin Eliah, Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak pada 21 Mac 2022 bertempat di *Iconic Islamic Centre* (IIC), Wakaf Che Teh Fatimah, Lenggong.

Pelaksanaan program ini sejajar dengan Kempen Penghijauan Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya hutan serta untuk kesejahteraan dan kualiti hidup dalam tempoh endemik wabak COVID-19 yang sedang melanda negara ini.

Sebanyak 150 pokok yang terdiri daripada pokok pelbagai spesies dan herba telah ditanam di Taman Herba IIC dan sebahagian bilangan pokok tersebut disumbangkan kepada komuniti setempat di sekitar Pekan Lenggong.

Penglibatan program ini terdiri daripada warga kerja Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dan Ahli Jawatankuasa IIC serta turut disertai komuniti setempat.



Sesi Penyerahan Sumbangan Pokok kepada wakil-wakil komuniti setempat di Lenggong

Disediakan oleh: Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Aktiviti Penanaman Pokok bersama Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak dengan wakil komuniti

STOK POKOK BESAR BERIKAN IMPAK YANG CEPAT UNTUK TANAMAN LANDSKAP

PORT DICKSON, 22-24 MAC 2022

Disediakan oleh: Nor Firdaus bin Rahim
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

Stok bahan tanaman pokok besar merupakan salah satu elemen penting dalam mencorakkan reka bentuk landskap yang indah dan menarik.

Justeru, Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Penyediaan Stok Bahan Tanaman Pokok Besar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2022 pada 22 hingga 24 Mac 2022 bertempat di PD Forest Sungai Menyala, Negeri Sembilan. Seramai 33 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah turut dalam menimba ilmu berkaitan penyediaan stok bahan tanaman pokok besar.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam asas penyediaan stok bahan tanaman pokok besar dalam memenuhi keperluan stok bahan tanaman di tapak semaihan jabatan serta mempelbagaikan kemahiran (multiple skill) dan menambah nilai (added value) dalam penyediaan stok bahan tanaman para peserta.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim, Penolong Pengarah Kepelbagaian Biologi Hutan (Arboretum) dan Puan Norulhuda binti Ali, Penolong Pengarah (Kepelbagaian Biologi Hutan) bersama pasukan beliau iaitu Encik Mohd Jamil bin Samsudin, Encik Mohd Muntasir bin Mat Isa, Encik Ahmad Mohammed bin Ghazali dan Puan Nurliyana binti Ahmad yang merupakan Pegawai dan kakitangan daripada BSB.

Kursus selama tiga hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi amali penyediaan dan pemindahan pokok besar. Kursus ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan diharapkan penganjurannya dapat diteruskan di Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri yang lain pada masa akan datang.

Kursus selama tiga hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi amali penyediaan dan pemindahan pokok besar. Kursus ini dilihat telah mencapai objektif yang ditetapkan dan diharapkan penganjurannya dapat diteruskan di Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri yang lain pada masa akan datang.



Sesi Demostrasi Penyediaan Pokok Besar oleh Kakitangan daripada Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan



Stok Bahan Pokok Besar telah dipindahkan ke kawasan penanaman yang baru

STOK POKOK BESAR BERIKAN IMPAK YANG CEPAT UNTUK TANAMAN LANDSKAP

SAMBUNGAN



Amali penyediaan dan pemindahan pokok besar di lapangan

PROGRAM SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH NEGERI SEMBILAN UTARA (PHDNSU)

SERTING ULU, 23 MAC 2022

Program Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Peringkat Daerah Negeri Sembilan Utara (PHDNSU) telah dilaksanakan pada 23hb Mac 2022 bertempat di Kem Berhulu, Taman Eko Rimba Serting Ulu, Simpang Pertang, Negeri Sembilan. Sambutan HHA pada kali ini telah diadakan dengan jayanya melalui penglibatan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Serting Ulu, Encik Mohd Nordin Bin Md Jusa dan penduduk Kampung Serting Ulu bersama kakitangan Pejabat PHDNSU.

Acara sambutan HHA ini merupakan salah satu komitmen dan usaha pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan khususnya PHDNSU untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan untuk memelihara dan memulihara khazanah hutan serta memupuk kesedaran untuk lebih menghargai hutan selari dengan tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun 2022 iaitu Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat. Bersesuaian dengan tema ini juga, diharapkan agar masyarakat sekitar Serting Ulu sebagai satu Keluarga Malaysia dapat menunjukkan keprihatinan serta komitmen yang jitu untuk bersama-sama dengan Pihak Jabatan untuk aktiviti perhutanan sosial dan pemeliharaan alam sekitar di samping menyemarakkan semangat menyayangi, melindungi dan memelihara khazanah hutan.

Kemuncak acara Program Sambutan HHA Peringkat PHDNSU adalah Pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan. Manakala sebanyak 500 batang pokok hutan pelbagai spesies telah ditanam untuk menyokong kempen penanaman pokok tersebut yang melibatkan penyertaan lebih kurang 100 orang penduduk Kampung Serting Ulu dan kakitangan PHDNSU.

Disediakan oleh: Nurul Firdaus binti Juhan
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

Semoga dengan adanya acara sambutan seperti ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan litupan kawasan berhutan untuk kesejahteraan hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti hutan. Usaha memelihara dan memulihara hutan adalah tanggungjawab bersama dan ia itu memerlukan penglibatan semua pihak iaitu Jabatan dan masyarakat demi menjamin kesejahteraan serta kualiti hidup untuk generasi hari ini dan akan datang.



Acara Perasmian Sambutan HHA Peringkat PHDNSU dan Pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Penglibatan penduduk Kampung Serting Ulu bersama kakitangan PHDNSU menanam pokok hutan pelbagai spesies di sekitar kawasan Taman Eko Rimba Serting Ulu semasa sambutan HHA tersebut

KEMPEN PENANAMAN POKOK SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PERLIS

KUALA PERLIS, 24 MAC 2022

Kempen Penanaman Pokok Sempena Program Penghijauan Malaysia telah diadakan di Hutan Interpretasi Paya Laut bertempat di Kompleks Komalaut, Kuala Perlis, Perlis. Kempen ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Teh Chai Aan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Sumber Asli & Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau dan Kesihatan) telah diadakan pada 24 Mac 2022.

YB. Tuan Teh Chai Aan telah dijemput untuk merasmikan Kempen Penanaman Pokok Sempena Program Penghijauan Malaysia Peringkat Negeri Perlis Tahun 2022 dan menyampaikan sijil penyertaan kepada ketua-ketua Jabatan, Agensi dan Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat di Negeri Perlis. Kempen ini telah bermula pada 22 - 26 Mac 2022 yang mana melibatkan para sukarelawan seramai 300 orang peserta. Terdapat dua spesies umum pokok bakau yang ditanam di Hutan Interpretasi Paya Laut ini antaranya ialah Bakau Kurap dan Bakau Minyak.

YB. Tuan Teh Chai Aan juga telah menyerahkan anak pokok bakau kepada para sukarelawan dan turut serta bersama-sama para sukarelawan menanam anak pokok bakau yang telah disediakan selepas sahaja merasmikan Kempen Penanaman Pokok Sempena Program Penghijauan Malaysia ini. YB. The Chai Aan juga telah dibawa melawat pelantar Interpretasi Paya Laut bersama-sama Ketua Jabatan, agensi dan Institusi Pengajian Tinggi yang baru siap dibina diiringi Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis.

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi penyerahan anak pokok bakau oleh YB. Tuan Teh Chai Aan kepada para sukarelawan yang terlibat



Acara tanam pokok bakau oleh YB. Tuan Teh Chai Aan bersama PPN Perlis, kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis serta para sukarelawan

KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN IMEJ *REMOTE SENSING* DAN MAKLUMAT *Spatial* DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA *WEB-BASED*

KOTA BHARU, 28-31 MAC 2022

Disediakan oleh: Nor Wahidah binti Amran
Bahagian Pengurusan Maklumat

Seksyen Geoformatik, Bahagian Pengurusan Maklumat telah menganjurkan Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat *Spatial* dalam Memantau Sumber Hutan Secara *Web-Based* Bagi Siri 1 dan Siri 2 Tahun 2022. Kursus untuk Siri 1 telah diadakan pada 28 hingga 31 Mac 2022 bertempat di *Hotel Grand Riverview*, Kota Bharu, Kelantan. Seramai 24 orang peserta terdiri daripada Pegawai Hutan Daerah, Pelukis Pelan dan kakitangan beruniform dari Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu dan bahagian-bahagian di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menyertai kursus ini.

Manakala bagi Siri 2 pula telah diadakan pada 17 hingga 19 Mei 2022 bertempat di *The Straits Hotel & Suites*, Melaka. Seramai 27 orang peserta dari JPN Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang serta Bahagian Pengurusan Hutan dan Bahagian Penguatkuasaan di IPJPSM telah menyertai kursus pada Siri 2. Kedua-dua kursus ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal).

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan penggunaan teknologi *Geographical Information System* (GIS) dan *Remote Sensing* (RS) dalam pemantauan menerusi penggunaan sistem e-*Geospatial* Perhutanan (e-GP) dan Sistem Pemantauan Hutan menggunakan *Remote Sensing* (FMRS Plus). Penggunaan sistem berdasarkan GIS dan RS adalah merupakan pendekatan penggunaan teknologi dalam menyokong melaksanakan perancangan, pengurusan dan aktiviti penguatkuasaan hutan dengan lebih cekap. Kursus ini telah dikendalikan oleh dua orang pengajar dan dua orang fasilitator yang terdiri daripada pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat dan Agensi Angkasa Malaysia.



Sesi Bergambar Peserta Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat *Spatial* dalam Memantau Sumber Hutan Secara *Web-Based* Siri 1 Tahun 2022



Peserta Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat *Spatial* Dalam Memantau Sumber Hutan Secara *Web Based* Bagi Siri 2 Tahun 2022

JPSM MANTAPKAN LAGI KEMAHIRAN PENILAIAN KUALITI AIR SUNGAI

DUNGUN, 28-31 MAC 2022

Air sungai yang bersih dapat menyumbang kepada kualiti alam sekitar yang tinggi. Sebanyak 97% sumber bekalan air di Malaysia adalah dari sungai. Oleh itu, sungai perlu dipelihara dan dipantau bagi memastikan kualiti air di tahap bersih.

Seramai 13 orang pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) sertai kursus bagi memantapkan kemahiran dalam penilaian kuantifikasi dan pemantauan kualiti air sungai. Penyertaan kursus ini terdiri daripada pegawai gred 29 hingga 44.

Bahagian Pengurusan Hutan, JPSM melalui Seksyen Pemeliharaan Hutan Tadahan Air berjaya menganjurkan Kursus Penilaian Kuantifikasi dan Pemantauan Kualiti Air Sungai pada 28 hingga 31 Mac 2022 bertempat di Hotel UiTM Dungun, Terengganu. Skop kursus dibahagikan kepada dua kategori iaitu secara teori dan latihan amali.

"Pendedahan penilaian kuantifikasi dan pemantauan kualiti air ini dilaksanakan bagi memantapkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai terlatih dalam bidang hidrologi".

YBhg. Dato' Haji Mohd Puat bin Dahalan, Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Hutan berkata demikian dalam ucapannya semasa majlis perasmian kursus berkenaan mewakili Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Peserta kursus diberikan peluang mempraktikkan kaedah pengukuran dan cerapan data serta pengukuran luahan dan kualiti air sungai di Stesen Tetap Hidrologi Sungai Jengai, Dungun, Terengganu.

JPSM melaksanakan pemantauan kualiti air sungai dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 2011. Pemantauan ini dijalankan melalui stesen tetap hidrologi yang ditubuhkan di lokasi terpilih. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat kualiti air sungai yang lebih terperinci dan tepat.

Disediakan oleh: Yumarnis binti Riasmi
Bahagian Pengurusan Hutan

Ilmu yang diberikan sedikit sebanyak dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai JPSM dan JPN terutamanya dalam penilaian kuantifikasi dan pemantauan kualiti air sungai dalam kawasan HSK. Secara tidak langsung, sungai sebagai sumber hutan dapat diuruskan dan dipelihara secara efektif.



Sesi pembelajaran secara teori diberikan oleh penceramah



Peserta kursus sedang mengukur luahan sungai dan mencerap data kualiti air sungai di Stesen Tetap Hidrologi Sungai Jengai, Dungun, Terengganu

MINI LAB PEMURNIAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENGELOUARAN PERMIT DAN PENGUATKUASAAN CITES SERTA PENYEDIAAN SOP KONSAINAN DAN BARANG RAMPASAN

PORT DICKSON, 28 MAC - 1 APRIL 2022

Tahukah anda bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan atau *Management Authority* (MA) bagi spesies tumbuhan daratan (kecuali tumbuhan yang dibiakkan secara buatan) di Semenanjung Malaysia dan Labuan bagi spesies yang tersenarai di bawah *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) berkuat kuasa mulai 1 November 2019?

Sehubungan itu, Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah dilantik menjadi sekretariat CITES di JPSM. Bagi menunjukkan komitmen JPSM sebagai MA, satu *mini lab* telah dianjurkan iaitu *Mini Lab Pemurnian Standard Operating Procedure (SOP) Pengeluaran Permit dan Penguatakuasaan CITES Serta Penyediaan SOP Konsainan dan Barang Rampasan* pada 28 Mac hingga 1 April 2022 bertempat di *Ancasa Residences* Port Dickson, Negeri Sembilan.

Seramai 30 orang termasuk peserta dan urusetia menyertai *mini lab* ini. Objektif *mini lab* adalah untuk memurnikan draf akhir SOP Pengeluaran Permit dan Penguatakuasaan CITES yang telah disediakan pada tahun 2021 serta menyediakan dua SOP baharu iaitu SOP Konsainan dan Barang Rampasan. Selain itu juga, *mini lab* ini bertujuan untuk memperoleh maklumat/input berkaitan sasaran perancangan yang akan dilaksanakan oleh JPSM sebagai MA CITES.

Antara pengisian lain sewaktu *mini lab* ini ialah perkongsian pengalaman dari Jabatan PERHILITAN dan Jabatan Pertanian dan lawatan ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia - KLIA. Semoga pelaksanaan *mini lab* ini seperti ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan dan seterusnya memperkasa peranan JPSM sebagai MA CITES.

Disediakan oleh: Norulhuda binti Ali

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan



Para peserta Bersama Pengarah Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan



Lawatan ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia KLIA



Lawatan ke bahagian kargo MAB KLIA

KURSUS MALIM GUNUNG PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH



YAN, 28 MAC-1 APRIL 2022

Kursus Malim Gunung Perhutanan (MGP) Negeri Kedah telah dilaksanakan selama lima (5) hari mulai 28 Mac hingga 1 April 2022 di Jerai Hill Resort, Daerah Yan. Seramai 60 orang peserta telah berjaya menamatkan kursus ini dan ditaliahkan menjadi MGP Negeri Kedah.

Untuk makluman semua, sebanyak 12 modul telah diterapkan sepanjang kursus MGP ini dilaksanakan dan ia telah melibatkan kerjasama di antara beberapa agensi iaitu Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Seajar dengan objektif utama kursus ini, JPNK berharap agar segala ilmu pengetahuan, pendedahan dan latihan yang telah diberikan kepada setiap peserta kursus MGP dalam aspek perhutanan dapat diaplikasikan dengan sebaiknya. Secara tidak langsung, dapat membentuk MGP yang terlatih dan berkemahiran dalam memberi perkhidmatan jurupandu dan juga dalam aspek keselamatan.


Dengan memberi ruang dan peluang kepada anak watan yang berminat untuk menjadi MGP, secara tidak langsung JPNK sebenarnya membuka platform kepada penduduk setempat untuk turut serta dalam pembangunan sektor ekopelancongan. Orang-orang kampung kita akan dapat menjana pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan MGP kepada pengunjung yang ingin melakukan aktiviti pendakian atau *trekking* di denai-denai hutan.

Oleh itu, JPNK berharap agar anak watan dapat menggalas tugas sebagai MGP di daerah masing-masing sebaiknya.

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Barisan peserta Kursus Malim Gunung Perhutanan



Amali menyelamat

LAWATAN KERJA RASMI YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KE PERLIS

KANGAR, 29 MAC 2022

Lawatan Kerja Rasmi telah dilakukan oleh Yang Di-Pertua Negeri Melaka iaitu Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam bersama isteri YBhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr) Hajah Asmah binti Ab Rahman serta YB. Tuan Teh Chai Aan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Sumber Asli & Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau dan Kesihatan) ke Rimba Herba Perlis telah diadakan pada 29 Mac 2022.

Kehadiran Yang Di-Pertua Negeri Melaka bersama isteri telah disambut oleh YB. Tuan Teh Chai Aan bersama Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.

Kehadiran Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di-Pertua Negeri Melaka ke Rimba Herba Perlis untuk melihat pameran spesis herba dan diberi penerangan mengenai kepelbagaiannya spesis tumbuhan herba serta khasiatnya serta acara menanam pokok Tongkat Ali serta mendengar taklimat hala tuju ekopelancongan Kompleks Sg. Batu Pahat, Perlis. TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan tetamu jemputan turut dihidangkan minuman jus herba iaitu Jus Belimbing Tanah dan Jus Pegaga.

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



PPN Perlis memberi sedikit taklimat ringkas berkenaan dengan spesis dan khasiat herba yang ada di Rimba Herba Perlis



Sesi penanaman pokok Tongkat Ali oleh Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan Isteri diiringi YB. Tuan Teh Chai Aan dan PPN Perlis

LATIH PEGAWAI MENANGANI KEBAKARAN HUTAN

MUAR, 29-31 MAC 2022

Fenomena kebakaran tanah gambut di dalam ekosistem tropika merupakan masalah alam sekitar yang utama di Malaysia. Isu permasalahan ini juga menjadi isu di negara-negara Asia Tenggara.

Kejadian kebakaran tanah gambut didapati sering berlaku khususnya pada musim kemarau. Pembakaran tanah gambut akan menghasilkan habuk, abu, debu dan asap. Keadaan ini akan menjadikan kualiti udara tidak baik dan menjaskankan kesihatan umum masyarakat.

Seramai 20 orang pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri serta latihan penggunaan telaga tiub bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mengendalikan telaga tiub di kawasan hutan paya gambut. Penyertaan kursus ini terdiri kakitangan lapangan yang bertugas di kawasan hutan paya gambut.

"Kaedah mengaktifkan telaga tiub dan pengetahuan asas hidrogeologi serta pembinaan telaga tiub merupakan salah satu pilihan yang digunakan dalam operasi pemadam kebakaran. Pegawai yang terlatih dapat meminima kos dalam menangani kebakaran hutan khususnya di hutan paya gambut."

YBrs. Tuan Haji Kamaruddan Bin Abdullah, Pengarah Jabatan Mineral Geosains Malaysia Negeri Johor berkata demikian dalam ucapannya semasa majlis perasmian latihan berkenaan.

Bahagian Pengurusan Hutan, JPSM dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Galian Malaysia (JMG) sebagai jabatan teknikal yang mengendalikan telaga tiub berjaya menganjurkan Latihan Penggunaan dan Pengempaman Telaga Tiub pada 29 hingga 31 Mac 2022 bertempat di Hotel Muar Trader, Johor. Skop kursus dibahagikan kepada dua kategori iaitu secara teori dan latihan amali. Menangani kebakaran hutan terutamanya di kawasan hutan paya gambut mempunyai cabaran khususnya masalah kekurangan sumber air. Justeru itu, pembinaan telaga tiub merupakan langkah proaktif dalam membekalkan sumber air sekiranya kebakaran hutan berlaku.

Disediakan oleh: Siti Aishah binti Abdul Wahab
Bahagian Pengurusan Hutan

Sesi latihan seperti ini memberi peluang kepada para peserta untuk mengalami situasi tugas operasi pemadam kebakaran dan mempelajari kaedah mengaktifkan telaga tiub. Latihan amali telah dijalankan di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Johor. Di samping itu para peserta dapat merasai kaedah mengendalikan komponen-komponen lain yang digunakan untuk operasi pemadam.



Sesi amali penggunaan genset dan telaga tiub di dalam HS Ayer Hitam Utara

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA MASJID DALAM TAMAN, INDAH DAN CERIA PERINGKAT NEGERI PERAK

SELAMA, 30 MAC 2022

Pada kali ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah berganding bahu bersama Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) dalam menjayakan misi penanaman 100juta pokok yang bertemakan Masjid dalam Taman, Indah dan Ceria bagi peringkat Negeri Perak.

Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Yusop bin Haji Husin, Pengarah Agama Islam Perak pada 30 Mac 2022 bertempat di Masjid Ar-Rashdiah, Daerah Selama, Perak.

Turut hadir bersama ialah YAB Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama serta YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusof, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perak.

Sebanyak 10 anak pokok telah ditanam di perkarangan Masjid Ar-Rashdiah sebagai simbolik bahawa JPNP telah menyumbang sebanyak 10 anak pokok bagi setiap 20 buah masjid di daerah Selama, Perak.

Hasil perbincangan lanjut, pihak JPNP akan menyumbang anak pokok dari spesies nadir dan landskap untuk aktiviti mengindahkan dan menceriakan persekitaran masjid. JPNP menyasarkan untuk menyumbang kepada seluruh masjid di negeri Perak yang berjumlah 670 buah dengan anggaran sumbangan anak pokok sebanyak 6,000 anak pokok daripada pelbagai spesies buah-buahan, landskap dan teduhan.

Semoga kerjasama erat ini akan terus kekal dan misi penanaman 100 Juta Pokok tercapai.

Disediakan oleh: Khairil bin Sarip
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Simbolik penyerahan anak pokok kepada wakil masjid daerah Selama, Perak



Penanaman pokok di perkarangan Masjid Ar-Rashdiah oleh PPN Perak

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2022 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

BESUT, 31 MAC 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Kampus Besut telah menganjurkan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2022 Peringkat Negeri Terengganu Darul Iman yang telah dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Terengganu. Sambutan ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Aktiviti penanaman pokok-pokok hutan sentiasa menjadi agenda utama Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan sambutan pada kali ini, sejumlah 5,000 pokok hutan telah ditanam di Taman Rimba Ilmu Tanah Bris (TRIBE), Unisza Kampus Besut melibatkan keluasan 4.5 hektar. Pihak kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu berganding bahu bersama-sama kakitangan dan siswa/siswi Universiti Sultan Zainal Abidin yang telah empat hari berkampung menanam pelbagai spesies pokok hutan bermula 27 hingga 30 Mac 2022. Kemuncak Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada 31 Mac 2022 telah menyaksikan penanaman pokok Beruas oleh YAB. Menteri Besar Terengganu yang merupakan pokok Ke-400,000 ditanam di Negeri Terengganu sepanjang Kempen Penghijauan Malaysia yang mensasarkan 600,000 pokok akan ditanam sepanjang tahun 2022 ini dan diikuti penanaman pokok oleh tetamu-tetamu kehormat. Pemilihan tapak tanaman ini adalah amat bersesuaian dalam usaha menjadikan UniSZA Kampus Besut sebagai Kampus Hijau dan akan menjadi contoh kepada Institusi Pengajian Tinggi di Pantai Timur untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sebanyak 17 spesies pokok yang berjaya ditanam di kawasan ini iaitu Beruas, Merawan Siput Jantan, Merawan Bunga, Balau Pasir, Gelam, Penaga Lilin, Meranti Sarang Punai, Meranti Rambai Daun, Meranti Tembaga, Karas, Kembang Semangkuk, Mata Ayam, Gajus/ Jambu Golok, Tekoma, Mangga/ Mempelam, Mata Kucing dan Jambu Keling.

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Ucapan Perasmian oleh
YAB. Menteri Besar Negeri Terengganu



YAB. Menteri Besar Negeri Terengganu
merasmikan Majlis Sambutan Hari Hutan
Antarabangsa 2022 Peringkat Negeri Terengganu



YAB. Menteri Besar Negeri Terengganu
menanam pokok Beruas sebagai simbolik
Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa
2022 Peringkat Negeri Terengganu

VOLUNTOURISM ECO HIKE @ BUKIT GAPIS GUNUNG MELAKA



BUKIT GAPIS, 31 MAC 2022

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Negeri Melaka telah bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) bagi menganjurkan program *Voluntourism Eco Hike* @ Bukit Gapis, Gunung Melaka.

Bukit Gapis yang terletak di Kg. Gapis, Jasin baru diisytihar sebagai Gunung Melaka pada akhir tahun 2020 dengan dikatakan mempunyai puncak tertinggi di Melaka. Puncaknya terletak betul-betul di Batu Sempadan Melaka - Negeri Sembilan yang telah ditandakan oleh penjajah British pada 1909. Bukit Gapis yang berketinggian 480 meter atau 1570 kaki pada paras laut ini menjadikan ianya melepas syarat sesebuah bukit diiktiraf sebagai gunung iaitu 457.2 meter. Ini sekaligus menjadikan Bukit Gapis @ Gunung Melaka tempat paling tinggi di Melaka yang telah diiktiraf.

Selain daripada hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menggalakkan pelancongan domestik dan juga menjadikan program ini sebagai salah satu platform bagi mempromosi dan mensasarkan negeri Melaka sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang unggul, program *Voluntourism Eco Hike* @ Bukit Gapis, Gunung Melaka ini juga bertujuan bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia: Kempen 100 Juta Pokok.

Peserta program terdiri daripada pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Merlimau, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka, Tourism Melaka, Pemandu Pelancong, Jabatan dan Agensi di bawah MOTAC. Pelepasan peserta *Voluntourism Eco Hike* @ Bukit Gapis Gunung Melaka telah dilakukan oleh YB. Tuan Fairul Nizam bin Roslan, Adun Asahan. Beliau juga turut menanam pokok Cengal di Bukit Gapis sebagai gimik bagi program tersebut dan sebagai tanda menyokong Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 juta Pokok 2021 - 2025. Penanaman pokok juga turut dilaksanakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka Encik Khirun Nizam bin Abdul Rahim dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka Ys. PPjB Abu Bakar Katain.

Disediakan oleh: Norliza binti Md
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Peserta Program *Voluntourism Eco Hike* @ Bukit Gapis, Gunung Melaka



Penanaman pokok yang dilaksanakan oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

SISTEM SMART PATROL DI BAWAH PROJEK *IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)*



JOHOR BAHRU, 1 APRIL 2022

Kursus Latihan dan Rondaan Penguatkuasaan Berasaskan Sistem SMART PATROL telah dijalankan selama lima hari, melibatkan 20 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ). Kursus ini dihadiri oleh wakil dari Seksyen Risikan dan Penguatkuasa Ibu Pejabat JPNJ, serta Pejabat Hutan Daerah (PHD) Johor Timur, PHD Johor Selatan, PHD Johor Tengah dan PHD Johor Utara. Latihan ini dikendalikan oleh beberapa pegawai dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Johor, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman telah merasmikan kursus ini dan turut hadir adalah wakil dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Kursus ini merangkumi latihan pengenalan kepada sistem SMART PATROL, pengumpulan dan pengendalian data serta pembahagian tugas dan tanggungjawab setiap peserta yang terlibat. Di dalam aktiviti kerja lapangan, semua peserta telah turun padang menjalankan latihan operasi serta rondaan di Kawasan Suaka Burung Panti, Kota Tinggi. Para peserta telah dibahagikan kepada dua kumpulan tugas yang dijalankan adalah menjalankan aktiviti pengumpulan data lapangan, justeru data-data terkumpul telah digunakan bagi tujuan merekod dan analisis selanjutnya. Setelah aktiviti lapangan disempurnakan dengan pendedahan kepada penggunaan perisian tersebut, mereka dilatih pula untuk memasukkan rekod penemuan ke dalam pengkalan data JPNJ mengikut prosedur serta kaedah yang betul. Menerusi kursus dan latihan ini, peserta telah didedahkan dengan kaedah dan kemahiran yang lebih efektif dalam mengumpul maklumat berkaitan kawasan berhutan negeri Johor. Kursus Latihan Dan Operasi Rondaan Berasaskan SMART PATROL Negeri Johor ini dijangkakan akan diteruskan bagi Siri 2 pada pertengahan penggal kedua tahun 2022.


Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Barisan peserta Kursus Latihan Berasaskan Sistem SMART PATROL JPNJ bersama wakil JPSM dan FRIM



Peserta merekodkan penemuan ke dalam GPS dan mengambil gambar penemuan di lapangan



Wakil pengajar dari PERHILITAN memberikan penerangan berkaitan kaedah memasukkan serta memproses data lapangan

PEGAWAI JPSM DAN PENGKAJI MENAWAN PUNCAK LAGENDA GUNUNG MACHINCANG – MINI EKSPEDISI KEPELBAGAIAN *NEPENTHES* DAN ORKID HUTAN

LANGKAWI, 8&9 APRIL 2022

"Berpuasa di bulan Ramadan bukanlah satu halangan untuk kami menjalankan mini ekspedisi bagi menjalankan pencarian kepelbagaian *Nepenthes* dan orkid hutan di gunung ini" kata Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim.

Encik Firdaus adalah merupakan salah seorang pegawai dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang menawan Gunung Machincang demi mencari kepelbagaian spesies *Nepenthes* dan orkid hutan di pulau lagenda ini. Mini ekspedisi anjuran Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi (BSB), JPSM ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 8 dan 9 April 2022. Seramai 10 orang peserta terdiri daripada pegawai JPSM, pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), penyelidik Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menyertai XPDC ini dengan dibantu oleh Malim Gunung Perhutanan.


Sebanyak tiga lokasi pencarian telah ditetapkan iaitu di sepanjang denai Gunung Machincang, Gunung Raya, dan Teluk Datai. Hasil pencarian merekodkan sebanyak tiga taksa *Nepenthes* dan 30 taksa orkid. Tujuan utama mini ekspedisi ini diadakan adalah untuk melihat kepelbagaian spesies *Nepenthes* dan orkid hutan di Pulau Langkawi yang masih lagi kurang dokumentasi.

Hasil pencarian selama dua hari mendapat terdapat tiga taksa *Nepenthes* di sekitar pergunungan Langkawi iaitu *Nepenthes mirabilis*, *Nepenthes sp.* serta hibrid semulajadi di antara *N. mirabilis* x *N. Analisis*. Ujian makmal melibatkan kajian morfologi, anatomi dan mikromorfologi untuk *Nepenthes* yang ditemui akan dilakukan bersekali dengan dokumentasi spesimen herbariumnya untuk tujuan dokumentasi dan penerbitan lanjutan.

Bagi kepelbagaian spesies orkid hutan, hasil pencarian merekodkan sebanyak 24 spesies epifit (tumbuh menumpang di pokok), tiga spesies terrestrial (tumbuh di tanah), satu spesies adalah *litofit* (tumbuh melata di atas batu), dan dua spesies yang tumbuh sebagai epifit dan juga terrestrial. Salah satu dari penemuan yang menarik ialah *Corybas geminigibus*. Genus *Corybas* adalah salah satu dari genus yang sangat terancam disebabkan ciri morfolognya yang kecil dan sangat sensitif kepada perubahan suhu dan kelembapan.

Disediakan oleh: Norulhuda binti Ali

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan



"Kami berharap mini ekspedisi seperti ini akan dianjurkan lagi dengan melibatkan pelbagai latar belakang pengkaji bagi memastikan kepelbagaian biologi hutan kita terus dipelihara" kata Profesor Dr. Rusea Go pakar Taksonomi dan Pemuliharaan Tumbuhan, UPM.



Aktiviti pengutipan dan perekodan kepelbagaian flora di Langkawi

PEGAWAI JPSM DAN PENGKAJI MENAWAN PUNCAK LAGENDA GUNUNG MACHINCANG – MINI EKPEDISI KEPELBAGAIAN *NEPENTHES* DAN ORKID HUTAN

SAMBUNGAN



Antara orkid yang ditemui di tiga lokasi pencarian; A: *Corybas geminigibbus*, B: *Bulbophyllum patens*,
C: *Dendrobium moquetteanum*, D: *Crepidium calophyllum*,
E: *Dendrochilum pallidiflavens* var. *Pallidiflavens*,
F: *Porpax elsewii*

KURSUS PENGURUSAN HOSPITALITI DAN EKOPELANCONGAN

PUNCAK ALAM, 8-10 APRIL 2022

Selari dengan intipati Pelan Strategik Perhutanan Negeri Sembilan (2021 - 2025) yang memberikan keutamaan kepada pemantapan ekopelancongan di Hutan Lipur dan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam usaha menaik taraf perkhidmatan hutan ke arah ekopelancongan yang lebih memberikan impak kepada para pengunjung juga masyarakat setempat.

Bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran kakitangan Jabatan dalam sektor ini, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Kursus Pengurusan Hospitaliti dan Ekopelancongan pada 8 hingga 10 April 2022 bertempat di Hotel UiTM Puncak Alam, Selangor. Kursus ini telah dihadiri seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan yang terlibat secara langsung dengan Pengurusan Taman Eko Rimba dan Taman Negeri. Seramai lima orang tenaga pengajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Ekopelancongan, UiTM Puncak Alam telah menyampaikan modul yang berkaitan. Antara Modul yang telah diperbincangkan semasa kursus tersebut ialah Modul 1: Pengurusan Aktiviti Ekopelancongan, Modul 2: Pemasaran, Modul 3: Khidmat Kaunter Pelanggan dan Modul 4: Pengurusan Hospitaliti.

Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Sembilan. Semoga dengan kursus yang telah dilaksanakan ini, dapat membantu pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam menyediakan kemudahan serta perkhidmatan ekopelancongan yang lebih sistematis dan efisyen di setiap kawasan yang akan dibangunkan.

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Peserta kursus Pengurusan Hospitaliti dan Ekopelancongan



Sesi perasmian oleh PPN Negeri Sembilan



Barisan tenaga pengajar dan urus setia

MESYUARAT KERJASAMA ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN KIMIA MALAYSIA

Disediakan oleh: Khairunnisa binti M. Mamat / Siti Marwiyah binti Abu Bakar
Bahagian Penguatkuasaan Hutan

PETALING JAYA, 11 APRIL 2022

Satu Mesyuarat Kerjasama antara Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah diadakan di Dewan Syarahan Forensik, Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohamed Zaini bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia serta pengurus bersama YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dan telah dihadiri oleh Pengarah-pengarah IPJPSM dan Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Kimia Malaysia serta delegasi dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Mesyuarat ini adalah lanjutan daripada pelantikan JPSM yang telah dilantik sebagai *Management Authority (MA)* iaitu Pihak Berkuasa Pengurusan bagi pengeluaran tumbuhan asli di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar yang Terancam Pupus (CITES - Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora).

Ancaman kepupusan ini boleh berlaku sekiranya perdagangan spesies ini tidak dikawal dan dipantau. Menyedari akan ancaman kepupusan ini boleh berlaku, JPSM melalui Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat JPSM telah bekerjasama dengan KIMIA bagi membangunkan pangkalan data DNA bagi beberapa Famili tumbuhan asli yang terdapat dalam Jadual Ketiga, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) iaitu orkid dan periuk kera untuk membantu pihak jabatan sekiranya terdapat urusan pengeluaran tumbuhan asli bagi tujuan perdagangan dari dalam Hutan Simpanan Kekal yang dijalankan secara haram dapat dikenalpasti melalui kaedah DNA.



Taklimat berkenaan cara persampelan dan proses analisis oleh Pegawai Sains SME DNA Tumbuhan



Lawatan KPPSM dan delegasi JPSM ke Makmal DNA Tumbuhan



Mesyuarat Kerjasama antara JPSM-KIMIA Malaysia

MAJLIS PEMBERIANKUASA AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (AKTA 716)

IPOH, 13 APRIL 2022

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Seramai lima orang pegawai/kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah diberikan kuasa untuk membuat penangkapan dan rampasan bagi kesalahan berkaitan pemburusan hidupan liar sebagaimana terkandung di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) pada 13 April 2022 di suatu majlis khas yang telah diadakan di *Hotel Double Tree Hilton*, Putrajaya anjuran Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di bawah projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*.

Pegawai/kakitangan ini adalah diantara sejumlah 21 orang pegawai/kakitangan daripada JPNP, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta Perbadanan Taman Negara Johor dan Perbadanan Taman Negeri Perak yang telah dilantik oleh jabatan masing-masing untuk menerima kuasa ini. Pegawai/kakitangan juga telah menjalani satu kursus latihan selama 3 hari yang merangkumi teori dan praktikal sebelum majlis khas tersebut telah diadakan.

Pelantikan ini juga akan mebolehkan dan memudahkan penangkapan penjenayah bagi kesalahan yang berkaitan dengan pemburuan hidupan liar yang sebelum ini memerlukan kehadiran anggota PERHILITAN atau polis. Pegawai/kakitangan yang dilantik juga boleh beroperasi melangkaui Hutan Simpanan Kekal atau kawasan Taman Negeri.



Majlis Pemberiankuasa tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN



Pegawai/kakitangan yang dilantik melafazkan ikrar



Pasukan Operasi SMART Negeri Perak Bil. 1/2022 yang terdiri pegawai/kakitangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP) yang telah menerima kuasa bagi melaksanakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716)

PROGRAM SEMPENA HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA PERPUSTAKAAN

KUALA LUMPUR, 21&22 APRIL 2022

Program Jom Baca 10 Minit Sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia diadakan bertujuan bagi memupuk dan menggalakkan budaya membaca di kalangan warga Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Peserta yang hadir diminta membaca buku selama 10 minit bermula 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. Seorang peserta telah dipilih sebagai Pengunjung Bertuah Perpustakaan dan menerima hadiah berupa buku dan cenderahati.

Selain itu, satu Kuiz Perpustakaan dan Perhutanan anjuran Perpustakaan JPSM juga telah dilaksanakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia berlangsung pada 21 hingga 22 April 2022. Kuiz tersebut telah diadakan secara atas talian dan telah mendapat sambutan menggalakkan. Peserta yang menjawab semua soalan dengan betul telah diisyiharkan sebagai pemenang. Hadiah berupa buku dan wang tunai telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia semasa Perhimpunan Bulanan Peringkat IPJPSM Bil.4/2022.



Kakitangan JPSM yang hadir untuk memeriahkan Program Jom Baca 10 Minit

Disediakan oleh: Rahaiyu binti Rahman
Bahagian Khidmat Pengurusan



Peserta Jom Baca 10 Minit bersama Pustakawan Puan Rahaiyu binti Rahman



Puan Nurul Fazleeayu Fazeela binti Ab Kadir
Pemenang Tempat Pertama
Kuiz Perpustakaan dan Perhutanan

MAJLIS PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK DAN ANAK POKOK KEPADA ORANG KAMPUNG SERTA PENANAMAN POKOK

HULU BESUT, 24 APRIL 2022

Majlis Pengagihan Bubur Lambuk dan anak pokok nadir kepada orang kampung serta penanaman pokok telah dijalankan dan diketuai oleh YBrs. Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Terengganu, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) sempena bulan Ramadhan pada 24 April 2022 yang lalu.

Program tersebut dilaksanakan bersama Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih yang bertempat di Taman Eko-Rimba Lata Tembakah, Daerah Besut, Terengganu dengan jayanya.

Turut hadir bersama wakil Ketua Balai Polis Pasir Akar, Besut dan juga Pegawai Penyelaras Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Hulu Besut sebagai tanda sokongan terhadap program jabatan seumpama ini.

Pengagihan bubur lambuk dan anak pokok dilakukan sendiri oleh PPN Terengganu di tepi jalan kepada orang kampung yang lalu-lalang di laluan utama Jerteh-Keruak dan disambut baik oleh masyarakat setempat.

Program ini juga dilakukan sebagai tanda rasa terima kasih kepada masyarakat setempat yang menjadi mata dan telinga kepada pihak jabatan dalam menangani isu penerokaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan berharap agar program ini sentiasa berterusan supaya masyarakat setempat dapat berhubung secara terus dengan pihak jabatan dalam membantu memelihara khazanah hutan di negeri Terengganu.

Disediakan oleh: Haziq Syahmi Bin Rohaizat
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



PPN Terengganu sedang mengagihkan Bubur Lambuk kepada orang kampung di tepi jalan Jerteh-Keruak



Kakitangan JPNT sedang menanam pokok yang terdiri daripada spesis kaum damar di dalam Kawasan Taman Eko-Rimba Lata Belatan

MAJLIS PERASMIAN SISTEM iFOREST: PERMOHONAN PERMIT MEMASUKI HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI KEDAH

JENANG, 12 MEI 2022

Majlis perasmian sistem *iForest* Permohonan Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Kedah telah disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Isahak bin Murat, Pegawai Kewangan Negeri Kedah pada 12 Mei 2022 di Pusat Latihan Perhutanan Jenjang. Sistem *iForest* ini telah dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Negeri Kedah.

Pembangunan sistem *iForest* ini juga adalah sebagai satu medium atau platform pemudahcara terbaik bagi tujuan permohonan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Kedah di antara pihak JPNK dan pengunjung yang berhasrat untuk memasuki kawasan HSK.

Selain itu, sistem yang dibangunkan ini adalah salah satu sistem yang mesra pengguna dan mematuhi kehendak Akta Perhutanan Negara 1894 (Pindaan 1993) dan Kaedah-Kaedah Hutan 1989 Negeri Kedah.

Selaras dengan itu, beberapa siri mesyuarat, bengkel dan lawatan kerja di lapangan serta perjumpaan dengan operator-operator yang terlibat secara langsung di dalam sektor pelancongan di Negeri Kedah telah diadakan.

Objektif utama sistem *iForest* ini dibangunkan adalah untuk mempercepatkan proses permohonan permit memasuki HSK, pelaporan maklumat lebih cepat dan tepat, mengurangkan aduan dan rungutan pengguna serta memudahkan JPNK untuk mengawal pelanggan yang memasuki kawasan HSK.

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Sistem *iForest* ini juga telah diselaraskan di dalam sistem gerbang *I-Bayaq* yang telah dibangunkan oleh BTMK untuk memudahkan bayaran secara dalam talian dilakukan. Untuk makluman, sistem *i-Bayaq* merupakan gerbang sistem bayaran secara atas talian yang telah disediakan oleh BTMK untuk agensi-agensi Kerajaan bagi memudahkan urusan kutipan hasil yang cepat dan selamat. Besar harapan pihak JPNK agar sistem ini dapat memberi manfaat kepada para pengguna.



Ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kedah



Perasmian sistem *iForest* yang disempurnakan oleh Pegawai Kewangan Negeri Kedah

PROGRAM VOLUNTOURISM MALAYSIA BERSIH & INDAH: PENGHIJAUAN MALAYSIA

ALOR GAJAH, 14 MEI 2022

Pejabat Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Melaka dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah menganjurkan program *Voluntourism Malaysia Bersih & Indah : Penghijauan Malaysia* bertempat di Hutan Simpan Tanjung Tuan, Alor Gajah, Melaka pada 14 Mei 2022.

Program Malaysia Bersih & Indah bertujuan untuk memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya di tempat-tempat yang sentiasa menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara. Program ini melibatkan penyertaan sukarelawan dalam kempen aktiviti kebersihan, kehijauan serta pengindahan kawasan atau kawasan pelancongan. Ianya juga menjadi salah satu tarikan kepada industri pelancongan negeri Melaka menerusi sub sektor Eko Pelancongan.

Penganjuran program *Voluntourism Malaysia Bersih & Indah: Penghijauan Malaysia* ini juga adalah bersempena Kempen Penanaman 100 juta Pokok 2021 - 2025 oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) serta menyumbang kepada pencapaian sasaran penanaman sebanyak 200,000 pokok bagi tahun 2022 untuk Negeri Melaka.

Seramai 84 sukarelawan daripada pelajar Kolej Tujuh Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menanam sebanyak 300 anak pokok dan benih bakau di dalam program ini. Selain daripada aktiviti penanaman pokok, aktiviti *plogging* denai pendakian Bukit Batu Putih dan pesisiran Hutan Paya Laut Tanjung Tuan dan aktiviti *hiking* juga diadakan sebagai sebahagian daripada pengisian program tersebut.

Disediakan oleh: Norliza binti Md
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Gambar peserta *Voluntourism Malaysia Bersih & Indah : Penghijauan Malaysia*



Penanaman pokok bakau yang dilakukan oleh sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Kolej Tujuh Belas, UPM



Aktiviti *plogging* denai pendakian Bukit Batu Putih dan *hiking* yang dilakukan oleh sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Kolej Tujuh Belas, UPM

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

IPOH, 18 MEI 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah berjaya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong. Majlis ini dihadiri oleh Dato' Seri Haji Saarani bin Mohamad, YAB Menteri Besar serta Exco-exco. JPNPK juga menjemput YB Ex-Officio, Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk mengetengahkan tradisi sambutan Aidilfitri sekaligus dapat menyemarakkan kembali Sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam persekitaran norma baharu setelah pandemik Covid-19 melanda sejak dua tahun yang lalu. Hadirin turut disajikan dengan hidangan makanan tradisional hari raya di beberapa reruai yang disediakan oleh kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK).

Selain itu, beberapa aktiviti yang menarik diselitkan bagi memeriahkan majlis. Antaranya ialah cabutan bertuah, pertandingan pakaian tercantik bagi kategori lelaki dan wanita, pertandingan hiasan reruai tercantik, pertandingan karaoke antara kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK).

Reruai foto yang berkonsepkan tradisional juga disediakan bagi memberi ruang kepada hadirin untuk bergambar. Majlis ini diharap dapat meningkatkan semangat bersatu hati, toleransi selain menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum serta budaya untuk bersifat lebih terbuka dan saling menghormati.

Disediakan oleh: Muhammad Asyraf bin Zainul
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Pengarah Perhutanan Negeri Perak memberi ucapan sebagai tuan rumah Majlis Sambutan Hari Raya



Penilaian reruai makanan di jalankan oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNPK dan Pengerusi Puspanita JPNPK

MAJLIS RUMAH TERBUKA JPSM BERSEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1443H/2022

KUALA LUMPUR, 23 MEI 2022

Majlis Rumah Terbuka Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1443H/2022 telah diadakan pada 23 Mei 2022 (Isnin). Majlis yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat JPSM dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan (PKSIP) serta PUSPANITA ini bertujuan untuk meraikan perayaan Hari Raya Aidilfitri di samping mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan warga kerja JPSM. Majlis ini merupakan yang julung-julung kalinya diadakan selepas dua tahun terhalang, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

Majlis ini melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 250 orang termasuk Ketua-ketua Jabatan, Mantan-mantan direktorat IPJPSM, Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian serta warga kerja JPSM. Kehadiran Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan turut menyerikan lagi Majlis ini.

Tetamu yang hadir disajikan dengan pelbagai juadah makanan Hari Raya yang disediakan oleh setiap bahagian IPJPSM di gerai yang telah dihiasai mengikut tema masing-masing. Majlis ini juga diserikan lagi dengan persembahan nyanyian lagu oleh warga JPSM, pertandingan gerai tercantik, serta pertandingan pakaian tercantik.

Majlis ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kerja JPSM. Program ini diharap dapat meningkatkan semangat bersatu hati, toleransi selain menyemai nilai-nilai murni di kalangan warga kerja JPSM.

Disediakan oleh: Chong Huey Jin
Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan (PKSIP)



Penyampaian hadiah bagi kategori Gerai tercantik



Penyampaian hadiah bagi kategori Pakaian Lelaki Tercantik



Penyampaian hadiah bagi kategori Pakaian Wanita Tercantik

THE 17TH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON FOREST MANAGEMENT

KUALA LUMPUR, 26 MEI 2022

Pengurusan dalam bidang perhutanan bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia bukan sahaja melibatkan tadbir urus di peringkat nasional, malahan melibatkan hubungan kerjasama secara global. Dalam hubungan ini Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) tidak terkecuali dan turut terlibat dalam persidangan dan mesyuarat berkaitan sektor perhutanan di peringkat antarabangsa.

Pada tahun ini, seramai lima orang pegawai JPSM telah menyertai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sebagai delegasi Malaysia dalam *The 17th Meeting of The Asean Working Group on Forest Management (AWG-FM)* yang diadakan pada 26 Mei 2022 secara virtual. JPSM juga turut terlibat bersama KeTSA dalam penyediaan nota intervensi dan maklumat penting bagi pembentangan pelaporan negara mengenai kemajuan pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) khususnya di Semenanjung Malaysia.

Mesyuarat AWG-FM merupakan mesyuarat kumpulan kerja di peringkat ASEAN yang diadakan setiap tahun bagi membincangkan dan bertukar pendapat dalam usaha untuk memperkuuhkan pengurusan hutan secara berkekalan. Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini ialah mengenai kemajuan pelaksanaan *Plan of Action for ASEAN Coorperation on Forest Management (2021-2025)* yang telah diluluskan oleh ASEAN Senior Officials on Forestry (ASOF) pada 28 Januari 2021. Agenda ini memerlukan pembentangan mengenai kemajuan pelaksanaan PHSB setiap negara anggota.


Selain itu, forum turut membincangkan berhubung sistem pelaporan dalam talian negara-negara ASEAN iaitu *Monitoring, Assessment and Reporting (MAR)* yang didapati agak sukar untuk dilaksanakan. Dalam hal ini, Malaysia mencadangkan supaya pelaporan data dan pelaksanaan PHSB negara-negara ASEAN menggunakan pelaporan *Global Forest Resources Assessment (FRA)* yang telah ditetapkan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) sebagai medium pelaporan untuk keseragaman semua negara-negara anggota.

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

Mesyuarat AWG-FM pada kali ini telah dihos dan dipengerusikan oleh negara Filipina dan berlangsung dengan teratur serta lancar sebagaimana agenda mesyuarat. Dijadualkan negara Thailand akan menjadi hos pada tahun 2023 nanti dan mesyuarat secara fizikal akan diadakan semula seperti tahun-tahun terdahulu.



Encik Tirso P. Parian, Jr., Pengarah Biro Pengurusan Hutan, Jabatan Alam Sekitar dan Sumber Asli Filipina sedang mempengerusikan mesyuarat ke-17 AWG-FM



Encik Dian Sukmajaya, ASEAN Sekretariat sedang memberikan komen terhadap isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat berlangsung

LAWATAN KERJA RASMI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA) DAN KETUA PENGARAH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE PERLIS

KANGAR, 28 MEI 2022

Satu Lawatan Kerja Rasmi YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KSU KeTSA) dan YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) ke Rimba Herba Perlis dan Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam telah diadakan pada 28 Mei 2022.

KSU KeTSA dan KPPSM telah disambut oleh Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis bersama Timbalan Pengarah Perhutanan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis di Rimba Herba Perlis. Selain itu, tetamu jemputan lain yang turut hadir adalah Pengarah Perhutanan Negeri Kedah serta pegawai-pegawai dari Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perlis serta para tetamu jemputan turut dibawa meninjau di sekitar Rimba Herba Perlis melihat koleksi herba dan penerangan mengenai khasiat dan kegunaan herba. Para tetamu jemputan turut dihidangkan minuman jus herba iaitu Jus Belimbing Tanah dan Jus Pegaga. KSU KeTSA dan KPPSM juga turut bersama menanam pokok Tongkat Ali atau nama saintifiknya *Eurycoma longifolia* sebagai kenangan dan menyokong Kempen Penghijauan Malaysia.

Setelah selesai lawatan di Rimba Herba Perlis, KSU KeTSA dan KPPSM di bawa melawat ke Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam dan diiringi PPN Perlis dan PPN Kedah serta tetamu jemputan yang lain. Tiba di Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, KSU KeTSA dan KPPSM serta para tetamu jemputan diberi taklimat berkenaan dengan sejarah perlombongan di Gua Kelam dan melawat ke Galeri 3D Gua Kelam. KSU KeTSA juga telah mencuba sendiri produk ekopelancongan terkini di negeri Perlis iaitu Eksplorasi Gua Kelam II secara *Virtual Reality* (VR) dan melawat ke Rumah Cermin.

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



KSU KeTSA dan KPPSM diberi bawa meninjau Rimba Herba Perlis dan diberi sedikit taklimat berkenaan dengan khasiat dan kegunaan herba



KSU KeTSA berminat untuk mencuba produk ekopelancongan terkini negeri Perlis iaitu Eksplorasi Gua Kelam II secara *Virtual Reality* (VR)

PROGRAM KEMBARA HIJAU BERSAMA HIMPUNAN OUTDOORIANS MALAYSIA SEMPENA KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA DAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS

KANGAR, 29 MEI 2022

Program Kembara Hijau bersama Himpunan *Outdooriants* ini merupakan satu program dimana melibatkan himpunan para pengiat sukan *outdoor* ataupun sukan lasak dari seluruh Malaysia. Mereka telah berkumpul di Kompleks Ekopelancongan Sg. Batu Pahat, Perlis untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti mendaki gunung, berbasikal, berkayak, berkhemah dan pelbagai lagi aktiviti lain dan dalam masa yang sama turut serta dalam Kempen Penghijauan Malaysia bagi menyahut seruan kerajaan tanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025. Seramai lebih kurang 800 orang peserta sukarelawan telah hadir. Mereka terdiri dari pelbagai agensi iaitu agensi kerajaan, swasta dan persendirian menyertai Kempen Penghijauan Malaysia ini dengan 10,000 jumlah pokok yang ditanam.

Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut berkenan mencemar duli berangkat ke Program Kembara Hijau Bersama Himpunan *Outdooriants* Malaysia Sempena Kempen Penghijauan Malaysia Dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis bagi Tahun 2022 dan seterusnya merasmikan program ini. DYTM Tuanku juga turut berkenan menanam pokok dari spesis Merbau atau nama saintifiknya *Intsia palembanica* setelah usai program sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) iaitu YB. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan diiringi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Sumber Asli & Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau dan Kesihatan), Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KSU KeTSA), Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dan Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perlis juga turut serta bersama-sama dalam melaksanakan Kempen Penghijauan Malaysia ini dengan mengadakan kembara bermotosikal melawat dan melihat sendiri aktiviti penanaman pokok yang telah diadakan secara serentak pada hari tersebut. YB Menteri juga diiringi bersama rombongan motorsikal berkuasa tinggi turut serta dalam acara penanaman pokok ini dan singgah di beberapa lokasi terpilih untuk tanaman pokok bersama para sukarelawan.

Disediakan oleh: Muhamad Afandi bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi penanaman pokok Merbau oleh Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil



Rombongan Kembara Hijau singgah di plot penanaman Hutan Paya Laut di Seagate Kuala Perlis bersama menyertai acara tanam pokok bakau bersama sukarelawan

PROGRAM PENANAMAN 100 JUTA POKOK

KOTA BHARU, 30 MEI 2022

Disediakan oleh: Mohamad Zawawi bin Abd Rahman
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Program Penanaman 100 Juta pokok telah diadakan pada 30 Mei 2022 bertempat di Maahad Tahfiz Daril Ulum, Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan. Pada program tersebut telah ditanam pelbagai spesies pokok Meranti sempena dengan nama Kampung Meranti. Program sebegini baik untuk memupuk kesedaran bersama masyarakat mengenai kesedaran kepentingan alam semula jadi.

Program seumpama ini juga boleh dijadikan platform kesedaran kepada masyarakat berkaitan perancangan Kerajaan Negeri dalam menguruskan sumber hasil hutan negeri khususnya Jabatan Perhutanan Negeri. Ia juga dapat mendekatkan masyarakat dengan agensi kerajaan supaya maklumat dan penyampaian oleh Kerajaan Negeri sampai dengan tepat kepada masyarakat.

Aktiviti program penanaman pokok melibatkan penanaman pelbagai jenis spesies pokok meranti di sekitar kawasan Maahad Tahfiz Daril Ulum dengan penglibatan pelajar tahfiz dan penduduk sekitarnya. Ia mendapat sambutan dan sokongan dari penduduk setempat dimana kehadiran penduduk melebihi 300 orang semasa program tersebut.



Ketibaan Menteri Besar Kelantan di Maahad Tahfiz Daril Ulum, Kampung Meranti, Pasir Mas



Penanaman pokok meranti oleh
Menteri Besar Kelantan

PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL BANTU KOMUNITI ORANG ASLI DI RPS AIR BANUN

IPOH, 1 JUN 2022

Satu Program Perhutanan Sosial telah dimulakan di RPS Air Banun, Hulu Perak, Perak pada 1 Jun 2022 sebagai aktiviti susulan bagi penyediaan Garis Panduan Pembelian Anak Pokok daripada Komuniti Setempat yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.

Pada tahun 2021, satu tapak semaian skala kecil yang dapat memuatkan sekurang-kurangnya 10,000 anak pokok telah dibina bersebelahan dengan Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di RPS Air Banun atas minat yang telah ditunjukkan oleh komuniti RPS Air Banun yang diwakili oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Koperasi RPS Air Banun.

Objektif Program Perhutanan Sosial ini adalah untuk memberikan peluang kepada komuniti RPS Air Banun untuk mengambil bahagian dalam program peningkatan taraf hidup dan pendapatan alternatif yang juga dapat menyumbang kepada kesinambungan koridor ekologi Central Forest Spine di daerah Hulu Perak serta membantu memperbaiki kawasan yang terosot.

Selaras dengan itu, vendor telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas menambahbaik infrastruktur serta membangunkan protokol operasi standard (SOP) bagi menjalankan aktiviti pengumpulan anak benih, penyemaian anak benih dan penjualan anak pokok. Selain itu, dua orang pekerja penuh masa juga telah ditempatkan bagi program ini untuk membantu pihak komuniti RPS Air Banun dalam menjayakan program ini. Tugas vendor juga merangkumi melatih para peserta program dan menyediakan modul-modul berasaskan video untuk kegunaan komuniti tersebut pada masa hadapan. Program ini dijangkakan akan tamat pada bulan November 2022 dan seterusnya tapak semaian tersebut akan diserahkan kepada Koperasi Air Banun untuk diuruskan.

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Tapak semaian skala kecil untuk projek perintis



Kursus latihan teori program tapak semaian dan penyemaian anak benih



Tugasan praktikal bersama peserta latihan program tapak semaian dan penyemaian anak benih

SAVE FORESTS, SAVE OUR FUTURE

Disediakan oleh: Norliza binti Md
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

BUKIT SENGGEH, 5 JUN 2022

Program Corporate Responsibility (CSR) Diploma Farmasi MiCoST bertemakan *Save Forests, Save Our Future* telah diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Bukit Batu Lebah, Bukit Senggeh, Melaka. Seramai 30 peserta yang terdiri daripada 20 pelajar dan 10 kakitangan daripada *International College of Science and Technology* (MiCoST) terlibat dalam program tersebut.

Selari dengan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, sebanyak 32 pokok Meranti Sarang Punai telah berjaya ditanam di TER Bukit Batu Lebah, Bukit Senggeh. Selain daripada aktiviti penanaman pokok, aktiviti pembersihan kawasan TER Bukit Batu Lebah dan aktiviti *nature walk* juga diadakan sebagai sebahagian daripada pengisian program tersebut.

Perlaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar selain memberikan pengalaman secara terus kepada warga MiCoST mendekati keindahan dan keunikan flora dan fauna yang terdapat di TER Bukit Batu Lebah.



Gambar peserta sebelum memulakan program



Gambar peserta setelah tamat program



Penanaman pokok Meranti Sarang Punai sempena program

THE 16TH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON SOCIAL FORESTRY

PUTRAJAYA, 9 JUN 2022

Pengurusan hutan secara berkekalan bukan hanya menuntut pengurusan yang mampan dalam aspek alam sekitar. Selain itu juga, ia menuntut pengurusan yang baik dari segi aspek sosial dan ekonomi. Justeru, Perhutanan Sosial diperkenalkan untuk membantu meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat orang asli atau komuniti setempat di samping membantu dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Pada tahun ini, satu mesyuarat Kumpulan Kerja negara-negara ASEAN yang membincangkan mengenai perhutanan social iaitu *The Sixteenth Meeting of the Asean Working Group on Social Forestry* (AWG-SF) telah diadakan pada 9 Jun 2022.

Mesyuarat yang dikendalikan oleh negara Laos menerusi platform *online* (bluejeans.com) ini telah menghimpunkan seramai 10 buah negara anggota iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Delegasi Malaysia diterajui oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang melibatkan penyertaan tiga agensi iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah) dan Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak).

Forum AWG-SF ini merupakan platform perkongsian maklumat, informasi, idea, pandangan dan pengalaman mengenai isu-isu semasa perhutanan di peringkat global dalam konteks perhutanan sosial.

Mesyuarat telah dimulakan pada jam 9.00 pagi (waktu Jakarta), sekitar jam 10.00 pagi waktu Malaysia dan melibatkan sesi intervensi, pembentangan pelaporan negara serta perkongsian hasil kajian/penemuan baru di era pasca COVID-19 dalam konteks program perhutanan social yang telah dilaksanakan di negara-negara anggota.

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

Platform ini telah digunakan dengan sebaiknya oleh semua negara anggota untuk meneroka potensi aktiviti perhutanan sosial yang boleh dikenangkan berdasarkan perkongsian pelaksanaan amalan-amalan baik oleh negara anggota di rantau ASEAN.

Malaysia telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi perlaksanaan *The 17th Meeting of the Asean Working Group on Social Forestry* (17th AWG-SF) yang dijangka akan dilaksanakan secara pertemuan fizikal pada tahun 2023 nanti.



Ucapan alu-aluan dari Lao PDR selaku tuan rumah pada mesyuarat kali ini



Dr. Farrah Shameen binti Mohamad Ashray selaku Ketua Delegasi Malaysia telah membentangkan *country report* ketika mesyuarat berlangsung

LAWATAN KERJA KE PETAK HCVA POKOK CHENGAL BESAR, HUTAN SIMPAN PASIR RAJA SELATAN

DUNGUN, 9&10 JUN 2022

Lawatan kerja ke Petak *High Conservation Value Areas* (HCVA) Pokok Chengal Besar, Hutan Simpan Pasir Raja Selatan, Dungun, Terengganu telah diadakan pada 9 dan 10 Jun 2022. Lawatan kerja yang diketuai oleh Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Terengganu melibatkan seramai 36 penyertaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT); Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai serta kakitangan Golden Pharos Berhad; serta Pengurus Besar, pegawai dan kakitangan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu.

Lokasi petak HCVA Pokok Chengal Besar terletak dalam kawasan Kompartiment 5, Hutan Simpan Pasir Raja Selatan, Dungun, Terengganu. Perjalanan sejauh 13.0 km bermula daripada pintu masuk sehingga Tapak Perkhemahan Sungai Loh dengan menggunakan kendaraan pacuan empat roda mengambil masa selama lebih kurang dua jam. Manakala daripada Tapak Perkhemahan Sungai Loh ke Petak HCVA Pokok Chengal Besar adalah sejauh 1.0 km iaitu mengambil masa selama lebih kurang 1 jam 30 minit berjalan kaki menyeberangi Sungai Loh dengan menggunakan bot. Di sini, terdapat jambatan gantung merentasi Sungai Loh yang telah rosak dan tidak boleh digunakan semenjak dilanda banjir besar pada tahun 2014.

Selain menggunakan kendaraan pacuan empat roda, kawasan tersebut juga boleh dilalui dengan menggunakan motorsikal yang mengambil masa lebih kurang 8 jam dan berjalan kaki mengambil masa lebih kurang 6 jam bermula dari pintu masuk Petak HCVA Pokok Chengal Besar ke Tapak Perkhemahan Sungai Loh.

Lawatan kerja sepanjang dua hari ke Petak HCVA Pokok Chengal Besar, Hutan Simpan Pasir Raja Selatan telah memberikan pengalaman yang menakjubkan. Lawatan ini juga memberikan gambaran dan perancangan yang lebih terperinci untuk pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan HCVA Pokok Chengal Besar. Kemudahsampaian ke kawasan tersebut perlu diselenggara dengan sebaiknya. Pokok Chengal Besar dilihat sesuai untuk dijadikan daya tarikan baharu kepada pencinta alam semula jadi dan penggemar aktiviti lasak.

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Bergambar Bersama-sama Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, CEO Golden Pharos Berhad dan Pengurus Besar Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu



Pegawai JPNT bergambar kenangan

KURSUS ASAS PENGENALAN DAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR TAPIR

SUNGAI DUSUN, 12-18 JUN 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan sedang berusaha ke arah penjenamaan semula Taman Eko Rimba Ulu Bendul (TER Ulu Bendul) dan sebahagian kawasan yang akan dibangunkan di Taman Eko Rimba (TER) ini adalah juga merupakan Taman Hidupan Liar Tapir di mana kawasan ini berpotensi menjadi salah satu tarikan utama pengunjung. Dengan usaha penjenamaan semula kawasan ini diharap dapat memberikan satu nilai tambah kepada TER ini seterusnya dapat meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan masyarakat setempat.

Bagi memastikan hidupan liar Tapir ini dapat diuruskan dengan baik, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Kursus Asas Pengenalan dan Pengurusan Hidupan Liar Tapir pada 12 hingga 18 Jun 2022 bertempat di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan secara *hands-on* serta memantapkan kemahiran kakitangan dalam pengurusan tapir khususnya mereka yang terlibat dengan kerja-kerja di lapangan. Dengan kemahiran yang diperolehi, langkah-langkah keselamatan yang proaktif dan berkesan dapat diambil supaya sebarang konflik dalam pengurusan hidupan liar ini dapat dikurangkan.

Seramai 10 orang peserta kursus yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan khususnya yang bertugas di TER Ulu Bendul telah menyertai kursus ini. Pihak jabatan telah mendapatkan khidmat tenaga pengajar dan kepakaran dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) untuk memberikan latihan teori dan praktikal kepada peserta kursus. Beberapa modul telah didedahkan kepada para peserta kursus iaitu Modul 1 : Tingkah Laku Tapir (behavior), Modul 2 : Pengurusan Habitat (In-Situ), Modul 3 : Tatacara Pengurusan Risiko dan Kaedah Rawatan Asas Hidupan Liar Tapir, Modul 4 : Penyakit Hidupan Liar Tapir (common wildlife disease) dan Modul 5 : Tatacara Pengurusan Pemakanan Tapir (Dietary). Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan amali secara praktikal sepanjang kursus dilaksanakan.

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

Di akhir kursus ini para peserta telah berjaya menyelesaikan keseluruhan sesi teori dan praktikal dan setiap yang dipelajari dapat akan diaplifikasi sepenuhnya dalam pengurusan Taman Hidupan Liar Tapir di Taman Eko Rimba Ulu Bendul. Majlis penutup kursus telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan bersama-sama dengan Tuan Dennis Ten Choon Yung, Pengarah Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor.



Peserta Kursus Asas Pengenalan dan Pengurusan Hidupan Liar



Sesi penerangan teori kepada peserta

BUSINESS OPPORTUNITIES THROUGH PAYMENT FOR ECOSYSTEM SERVICES (PES) FORUM YEAR 2022

KUANTAN, 14 JUN 2022

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menganjurkan *Business Opportunities Through Payment for Ecosystem Services (PES) Forum Year 2022 - Pahang* pada 14 Jun 2022 di Hotel Zenith Kuantan, Pahang. Forum ini telah dirasmikan oleh YH. Dato' Razihan bin Adzharuddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang.

Forum ini merupakan platform perbincangan di antara pihak penyedia perkhidmatan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan sedia ada di Negeri Pahang dengan pihak pembiaya perkhidmatan bagi membuat pertimbangan dalam membiayai mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan. Selain itu, forum ini bermatlamat untuk mengenalpasti mekanisma pembiayaan produk dan perkhidmatan yang sesuai di samping sesi padanan perniagaan di antara pihak penyedia perkhidmatan iaitu kerajaan Negeri Pahang dengan pihak pembiaya perkhidmatan yang terdiri daripada pelbagai agensi.

Seramai empat orang panel telah dijemput khas bagi forum ini iaitu dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Yayasan Hasanah dan PE Research Sdn. Bhd. Forum turut dihadiri 60 orang peserta daripada pelbagai agensi, syarikat korporat, persatuan dan koperasi. Sesi padanan perniagaan juga telah dilaksanakan bagi mengenalpasti perkhidmatan ekosistem hutan yang menjadi pilihan pembiaya perkhidmatan yang mempunyai dana khusus untuk aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Forum ini dibiayai melalui projek UNDP/GEF/GOM: *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* yang mana ia merupakan salah satu aktiviti yang menjadi keperluan didalam kelestarian kewangan (Sustainable Financing) sebagai *outcome* utama Komponen 3 projek IC-CFS.

Disediakan oleh: Muhammad Fekri bin Taib
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



Lawatan YB. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang ke booth pameran



Panel yang dijemput khas bagi berkongsi maklumat dalam forum tersebut



YB. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang memukul gong sebagai simbolik merasmikan forum

KURSUS PENGUKUHAN PENGENDALIAN DRON

PORT DICKSON, 14&15 JUN 2022

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah berjaya melaksanakan Kursus Pengukuhan Pengendalian Dron pada 14 dan 15 Jun 2022. Kursus ini telah diadakan di PD Forest, Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan. Tenaga Pengajar sepanjang tempoh kursus tersebut ialah Encik Muhammad Khalis bin Azman dan Encik Marwan bin Sakimi daripada Syarikat SKY - Shine Corporation (M) Sdn. Bhd. yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan dron dan dibantu oleh Urusetia daripada Seksyen Operasi dan Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta kursus tentang teknologi dron juga kegunaan dan pengendalian dron dalam kerja-kerja di lapangan. Melalui bantuan teknologi dron, kawasan perhutanan dapat dipantau dengan lebih efisien tanpa perlu melakukan rondaan secara manual di kawasan hutan tersebut. Penggunaan dron juga dapat merangkumi kawasan perhutanan yang lebih luas dalam jangka masa yang lebih singkat berbanding pemantauan secara manual ke dalam kawasan pembalakan. Dengan memberi pendedahan dan latihan teknologi dron kepada kakitangan jabatan dapat menambahkan lagi ilmu dan memudahkan kerja-kerja di lapangan khususnya pemantauan di kawasan-kawasan pembalakan. Seramai 20 peserta telah dipilih bagi mengikuti Kursus Latihan pengendalian Dron kali ini yang disasarkan kepada Penolong Pegawai Hutan/Renjer Hutan Gred G29 hingga G32 dan Pengawas Hutan Gred G19 hingga G22 khususnya yang terlibat dengan kerja - kerja dilapangan.

Kursus ini berlangsung selama dua hari iaitu hari yang pertama para peserta diberi pengenalan tentang teknologi dron, asas komponen dron dan langkah - langkah keselamatan pengendalian dron di lapangan, manakala pada hari yang terakhir para peserta di beri latihan cara pengendalian dron di lapangan. Majlis Perasmian Penutupan dan Rumusan telah disempurnakan oleh Puan Nur Hidayah binti Abdul Razif, Pen. Pengarah Industri dan Penguasilan sebagai wakil kepada Tuan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan.

Disediakan oleh: Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Peserta kursus Pengendalian Dron



Sesi penerangan Amali Penerbangan Dron



Amali lapangan Pengendalian Dron

PERKONGSIAN KEPAKARAN ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM TRADE FAIR, BUSINESS AND INVESTORS SUMMIT

IPOH, 15 JUN 2022

Program *Trade Fair, Business and Investors Summit* sempena Lawatan Kerja Duta Negara Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC) telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Pelaburan Perak atau lebih dikenali sebagai *InvestPerak* secara kerjasama dengan Syarikat Vale. Program ini melibatkan seramai lima Wakil Kedutaan dari negara Argentina, Brazil, Chile, Cuba dan Peru untuk menghadiri pembentangan dan pameran oleh beberapa agensi di peringkat Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Selaras dengan matlamat *InvestPerak* untuk menarik dan menggalakkan pelaburan utama bagi Kerajaan Negeri Perak, agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat juga telah membentangkan cadangan projek, program dan aktiviti bagi pertimbangan Duta-Duta GRULAC untuk tujuan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Negeri Perak.

Antara cadangan yang telah dikemukakan oleh JPNPk adalah perkongsian kepakaran kajian saintifik, penyelidikan dan pembangunan kolaboratif serta perkongsian ilmu dan kisah kejayaan untuk pembiayaan mampan. Selain itu, JPNPk juga telah mengadakan perbincangan dua hala bersama semua Duta-Duta GRULAC yang terlibat.



Booth pameran JPNPk

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Perbincangan dua hala bersama Duta Cuba,
His Excellency Ibete Fernández Hernández



Perbincangan dua hala bersama Duta Chile,
His Excellency Diego Velasco



Perbincangan dua hala bersama Duta-duta
GRULAC

EKSPLORASI DENAI HUTAN TAMAN TUGU KUALA LUMPUR 2022



KUALA LUMPUR, 15 JUN 2022

PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Biro Alam Bina Lestari dengan kerjasama Biro Kesihatan telah menganjurkan satu Program Eksplorasi Denai Hutan Taman Tugu Kuala Lumpur 2022. Seramai 25 orang ahli PUSPANITA terlibat dalam mengeksplorasi denai hutan di Taman Tugu sejauh 6km.

Objektif utama program Eksplorasi Denai Hutan ini adalah untuk menggalakkan budaya gaya hidup sihat di kalangan ahli PUSPANITA. Melalui pengisian aktiviti ini juga dapat membina kesedaran tentang kepentingan alam sekitar dan pada masa yang sama mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan ahli. Walaupun penat menyusuri denai hutan, namun semangat yang ditonjolkan di kalangan ahli amat membanggakan.

Pertandingan Foto Kreatif juga turut diadakan bagi memberi peluang kepada para peserta untuk mengabadikan kenangan dengan pemandangan hutan yang menarik di sepanjang laluan Taman Tugu Kuala Lumpur.

Disediakan oleh: Siti Aishah binti Abdul Wahab

PUSPANITA JPSM



PUSPANITA JPSM yang ceria dan bersemangat bergambar kenangan



Menikmati keindahan alam semasa mengeksplorasi Denai Hutan Taman Tugu

KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN BANTU KURANGKAN RISIKO KETIKA AKTIVITI PENDAKIAN

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik/ Muhammad Asyraf bin Zainul
Bahagian Forest Eco Park dan Hutan Taman Negeri

KUALA LUMPUR, 23-27 JUN 2022

Kursus Malim Gunung Perhutanan (MGP) telah diperkenalkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk melatih komuniti yang berkelayakan bagi memberikan perkhidmatan sebagai malim yang berkualiti kepada penggemar aktiviti pendakian di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK). Selain itu, MGP ini juga berperanan sebagai *first responder* ketika menjalankan aktiviti dalam HSK serta duta kecil JPSM dalam pengurusan pendakian di Semenanjung Malaysia. JPSM telah mensasarkan melatih seramai 1000 orang MGP pada tahun 2022. Sebanyak 15 Modul Kursus Asas MGP telah dirangka untuk melatih MGP supaya lebih kompeten menguasai ilmu asas perhutanan dan penyelamatan di dalam HSK.

Tujuan kursus ini dijalankan adalah bagi memudahkan pengurusan dan kawalan jabatan ke atas penggiat rekreasi yang memasuki ke kawasan HSK di negeri Perak serta memastikan pematuhan ke atas syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh jabatan ini. Secara tidak langsung, hal ini dapat mengurangkan risiko kemalangan semasa aktiviti pendakian dijalankan. Jabatan ini juga telah menetapkan syarat bahawa malim gunung yang ingin diiktiraf perlu mengikuti kursus ini dengan jayanya seterusnya melayakkan diiktiraf sebagai MGP.

Kursus MGP kali ini telah diadakan di Grand Kampar Hotel, Perak pada 23-27 Jun 2022 melibatkan seramai 180 orang Malim Gunung dari Negeri Perak. Majlis Perasmian Penutup Kursus MGP dan penyampaian sijil telah sempurnakan YB. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Turut hadir YB. Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga Sumber Asli; YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan); dan YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perak. Kehadiran pengurusan tertinggi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merupakan satu pengiktirafan kepada kerjaya MGP yang diperkenalkan JPSM.



Peserta kursus menerima sijil dan kad MGP yang disampaikan oleh Menteri KeTSA



Sesi taklimat Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan kepada semua peserta kursus



Aktiviti bagi modul amali asas menyelamat di arus deras dijalankan

HIJAU DI PAVILION

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

BUKIT JALIL, 27 JUN 2022

Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM) telah mempelawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menyertai pameran berkonseptan *Back to Nature* di Pavilion Bukit Jalil.

Pengerusi persatuan PSJKM, Puan Fully Chye Goet Lee berkata pameran ini menggunakan teknik *natural dye* dan *eco printing* iaitu satu teknik untuk mengolah dan mencorakkan fabrik menggunakan bahan semula jadi daripada tumbuhan seperti daun, bunga, batang dan akar. Beliau berkata, setiap hasil produk adalah sangat unik dan istimewa kerana hanya ada satu di dunia, *handmade* dan paling penting mesra alam.

Pihak JPSM yang diwakili oleh Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam telah berbesar hati menyertai pameran tersebut bermula 23 - 26 Jun 2022. Bagi menyesuaikan konsep *Back to Nature* tersebut, pihak Jabatan telah membawa beberapa spesimen daun, biji benih, anak pokok dan sampel kayu untuk dipamerkan.

Hebahan berkaitan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2021 hingga tahun 2025 turut dijalankan. Pelbagai cenderahati menarik iaitu topi, set penyedut minuman besi, beg kanvas, *string bag*, pelekat *roadtax*, tuala muka dan risalah kempen serta jabatan turut diedarkan kepada pengunjung yang berkunjung ke booth pameran jabatan.

Program seumpama ini telah berjaya mendidik para pengunjung sedikit sebanyak ilmu perhutanan melalui bahan pameran yang dipamerkan. Ia juga memperkenalkan peranan Jabatan dalam Program Penghijauan Malaysia serta berjaya mempromosikan kempen ini. Sebanyak 333 tandatangan pengunjung telah berjaya direkodkan melalui buku pelawat yang telah disediakan di booth pameran Jabatan. Semoga program-program seperti ini dekat di hati rakyat Malaysia dalam menghijaukan bumi kita.



Booth pameran Jabatan



Pengunjung melihat spesimen daun



Pengunjung melihat sampel kayu

BENGKEL PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN PERHUTANAN SOSIAL

PERLIS, 27-30 JUN 2022

Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan (BLH), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan dan Pemeriksaan Perhutanan Sosial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang bertempat di *The Putra Regency Hotel*, Kangar, Perlis. Bengkel ini telah disertai oleh semua Pegawai Penyelaras Perhutanan Sosial Negeri. Bengkel ini merupakan satu persediaan pihak JPSM dalam membangunkan dan memperkasakan program/aktiviti perhutanan sosial di Semenanjung Malaysia. Perhutanan sosial ditakrifkan sebagai penglibatan orang asli/orang asal dan komuniti setempat atas inisiatif sendiri atau dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan demi kelangsungan hidup daripada aspek sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar.

Secara umumnya, perhutanan sosial adalah satu aktiviti perhutanan yang melibatkan penyertaan masyarakat orang asli atau komuniti setempat melalui kerjasama pihak yang berkepentingan bagi meningkatkan sosio-ekonomi dan pemeliharaan tanpa menjelaskan fungsi serta peranan hutan dan alam sekitar di negeri-negeri Semenanjung Malaysia selari dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Ia merupakan salah satu kaedah menangani pencerobohan hutan dan pemulihan kawasan hutan terosot selaras dengan Matlamat ke-15, *Sustainable Development Goals (SDGs): Life on land* iaitu memelihara dan memulihara ekosistem, menguruskan hutan secara mampan, mengurangkan degradasi tanah dan pemeliharaan biodiversiti.

Program/aktiviti perhutanan sosial yang melibatkan masyarakat telah lama dilaksanakan di Semenanjung Malaysia melalui aktiviti penanaman pokok dan penubuhan ladang hutan. Disamping itu, program/aktiviti perhutanan sosial juga turut dilaksanakan melalui projek pembangunan hutan seperti projek perhutanan tani.

Disediakan oleh: Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan

Melalui penganjuran bengkel ini, pegawai dan kakitangan JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di Semenanjung Malaysia yang merupakan peserta bengkel akan dapat memahami definisi dan konsep perhutanan sosial, merancang dan menjadikan program/aktiviti perhutanan sosial di kawasan mereka sebagai model perhutanan sosial Semenanjung Malaysia serta membantu pihak jabatan dalam memperkasakan komuniti melalui program/aktiviti perhutanan sosial. Bersempena dengan penganjuran bengkel ini, peserta bengkel juga turut didedahkan dengan lawatan kerja ke tapak projek pelaksanaan aktiviti perhutanan sosial yang ada di negeri Perlis iaitu projek *Perlis State Park Restoration Community Project (PSPResQ)* and *Perlis State Park Forest Guide (PSPFG)*.

Projek ini dilaksanakan oleh pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang juga merupakan komuniti di Wang Kelian, Perlis. Antara aktiviti perhutanan sosial yang dilaksanakan adalah pemandu pelancong (tour guide) bagi aktiviti *Caving*, *Hiking/Jungle Trekking* dan tapak semaihan. Selain itu, mereka juga membantu para penyelidik yang datang ke Taman Negeri Perlis sebagai penunjuk arah bagi lokasi dan bahan penyelidikan yang ditentukan oleh penyelidik. Pelaksanaan projek ini dilihat sebagai satu langkah yang proaktif oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dalam melibatkan komuniti dari aspek pengurusan hutan di Taman Negeri Perlis.



Peserta Bengkel Pembangunan dan Pemeriksaan Perhutanan Sosial JPSM yang terdiri daripada Pegawai Penyelaras Perhutanan Sosial Negeri

BENGKEL PENYEDIAAN “CORPORA DELICTI” GARIS PANDUAN PEMBUKTIAN ELEMEN-ELEMEN KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA 313 DAN AKTA 314

CAMERON HIGHLANDS, 28-30 JUN 2022

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Bengkel Penyediaan “Corpora Delicti” Garis Panduan Pembuktian Elemen-Elemen Kesalahan Jenayah di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] Dan Akta Industri Berasas Kayu 1984 [Akta 314] pada 28 hingga 30 Jun 2022 di Hotel Heritage, Cameron Highlands, Pahang.

Seramai 10 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada pegawai dan staf dari Bahagian Perundangan dan Pendakwaan. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Wan Hazlin Suraya binti Wan Sharif, Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan.

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah menyediakan garis panduan yang jelas kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas siasatan dan penguatkuasaan di Jabatan Perhutanan Negeri. Di samping itu juga, garis panduan yang disediakan dapat menjadi rujukan terhadap pembuktian elemen kesalahan jenayah di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Akta Industri Berasas Kayu [Akta 314].

Sepanjang bengkel ini berlangsung, sebanyak 24 seksyen di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan 8 seksyen kesalahan di bawah Akta Industri Berasas Kayu [Akta 314] telah dibincangkan berkaitan kesalahan, elemen kesalahan dan contoh pertuduhan. Selesai tugas, para peserta telah berpeluang melawat Taman Eko Rimba Sungai Pauh dan melakukan aktiviti pendakian di Gunung Berembun bagi menjalinkan satu hubungan professional yang baik antara pegawai dan staf.

Dengan menyediakan garis panduan ini, diharapkan mampu memberi pemahaman, penambahbaikan dan impak di kalangan warga JPSM terhadap penguatkuasaan siasatan, perundangan dan pendakwaan.

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab Karim
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan



Sesi bergambar peserta Bengkel Penyediaan “Corpora Delicti” Garis Panduan Pembuktian Elemen-Elemen Kesalahan Jenayah di bawah Akta 313 dan Akta 314



Peserta membincangkan kesalahan, elemen kesalahan dan contoh pertuduhan bagi Akta 313



Peserta membincangkan kesalahan, elemen kesalahan dan contoh pertuduhan bagi Akta 314

AKTIVITI MYSTERY SHOPPING YANG DIJALANKAN OLEH UNIT INTEGRITI PERHUTANAN DI SEPANJANG BULAN JANUARI 2022 HINGGA BULAN JUN 2022



KUALA LUMPUR, 30 JUN 2022

Mystery Shopping merupakan aktiviti turun padang Unit Integriti Perhutanan (UIP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi memberi penerangan serta mendapatkan gambaran lebih jelas berkaitan pemasalahan yang terdapat di lapangan. Program ini juga adalah sebahagian dari aktiviti UIP dalam mengukuhkan dan memantapkan integriti di kalangan warga perhutanan.

Aktiviti Mystery Shopping dilaksanakan secara mengejut tanpa memaklumkan tarikh sebenar dan penilaian ke atas tahap penyampaian perkhidmatan dibuat ke atas semua saluran perkhidmatan yang ditawarkan di Jabatan.

Skop pelaksanaan Mystery Shopping meliputi semua perkhidmatan di Ibu Pejabat JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri. Pejabat yang akan dilaksanakan Mystery Shopping akan dipilih mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Sepanjang Januari hingga Jun 2022, sebanyak 21 aktiviti Mystery Shopping telah dilaksanakan melibatkan Pejabat Hutan Daerah dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Pelaksanaan Mystery Shopping adalah sebagai salah satu kaedah penilaian prestasi sistem penyampaian perkhidmatan di JPSM. Ini bertujuan untuk meningkatkan standard serta amalan terbaik penyampaian perkhidmatan Jabatan yang bukan sahaja dapat memenuhi kehendak pelanggan malah mampu melangkaui ekspektasi pelanggan selaras dengan transformasi Jabatan.



Disediakan oleh: Abdul Halim bin Sanui
Unit Integriti Perhutanan



Semakan dokumen di Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri



Semakan lori balak



Semakan kaunter tiket

Semakan di Balai Pemeriksaan Hutan

LAWATAN KE KAWASAN PENANAMAN YANG DILAKSANAKAN OLEH BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) MELALUI AKTIVITI KEMPEN KESEDARAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 2022

Seksyen Pemuliharaan Pesisiran Pantai, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah membuat tinjauan ke kawasan penanaman yang telah dilaksanakan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang pernah di tanam pada tahun 2018 ke atas. Penanaman yang dilaksanakan oleh NGO ini adalah melalui pelaksanaan kempen kesedaran yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seperti sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT) swasta/awam, komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta.

Tujuan tinjauan ini adalah bagi memastikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan adalah mengikut Terma Rujukan (TOR) Penyertaan Badan-Badan Bukan Kerajaan dalam Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Lain yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara. Beberapa NGO telah dipilih secara rawak berdasarkan kepada rekod pelaksanaan program, penanaman dan penuhan tapak semai bakau.

Tinjauan ini dibuat mengikut zon iaitu Zon Utara, Selatan dan Timur. NGO yang dikunjungi bagi Zon Utara adalah PIFWA, Kelab Pendidikan dan Kebajikan Lembah Bujang dan Sahabat Hutan Bakau Kuala Gula pada 11-13 April 2022. Manakala bagi Zon Selatan pula, NGO yang terlibat adalah JARING pada 30 Mei 2022 dan Zon Timur di Negeri Terengganu iaitu Sahabat Bakau Setiu, *World Wide Fund for Nature* (WWF) dan *Malaysian Nature Society* (MNS) pada 25-26 Mei 2022.

Disediakan oleh: Suhana binti Bebakar
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan



Lawatan ke Sahabat Bakau Setiu,
Setiu Terengganu



Lawatan kawasan menanam di bawah WWF,
Setiu Terengganu

MOSSY FOREST KINI BERWAJAH BAHARU

Bilakah kali terakhir anda menjelaskan kaki ke Taman Eko-Rimba (TER) Mossy Forest? Jika sudah terlalu lama, jom lawatilah taman eko-rimba tertinggi ini pada waktu yang terdekat.

Taman Eko-Rimba (TER) Mossy Forest terletak di Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan, Cameron Highlands berkeluasan sebanyak 2.3 hektar. Berada di kaki Gunung Irau pada ketinggian 2,031 meter dari aras laut, Mossy Forest atau *Cloud Forest* adalah dikategorikan sebagai hutan pergunungan dan merupakan hutan semulajadi yang berlumut disebabkan keadaan persekitaran yang sentiasa lembap dan basah sepanjang tahun. Malah, hutan di sekitar taman eko-rimba ini adalah dianggarkan berusia lebih 200 juta tahun. Maka tidak hairanlah jika hutan di sekitar TER Mossy Forest telah merekodkan lebih daripada 1,000 spesies flora termasuk tumbuhan tinggi, lumut, orkid, liken, buluh, paku-pakis, periuk kera dan fungi.

Untuk membangunkan TER ini, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah membina *platform* laluan pejalan kaki (boardwalk) sepanjang 250 meter bagi memudahkan para pengunjung untuk berekreasi dan menikmati suasana dingin serta berkabus di hutan pergunungan ini. Platform laluan pejalan kaki tersebut juga dibina sebagai langkah pemeliharaan sumber biodiversiti hutan untuk mengelakkan kemusnahan landskap lumut tebal dan tumbuhan endemik. Malahan, sebuah menara tinjau setinggi 50 meter turut dibina dan menawarkan pemandangan Cameron Highlands, puncak Gunung Irau dan Gunung Brinchang.

Bagi menjadikan TER Mossy Forest sebagai destinasi ekopelancongan yang unggul (flagship ecotourism destination), pihak JPNP telah melaburkan peruntukan sebanyak RM450,000 untuk menaiktaraf infrastruktur yang usang. Kini, TER Mossy Forest telah berwajah baharu dengan memiliki rumah kaunter tiket bertemakan *Tudor style*, mercu tanda serba baru dan anjung tinjau yang menawarkan panorama hutan pergunungan. Para pengunjung pasti akan teruja dan mengabadikan momen indah dengan bergambar di sekitar fasiliti baharu tersebut. Pihak JPNP turut tidak lupa menerapkan elemen kesedaran awam untuk disebarluaskan kepada para pengunjung. Bagi tujuan tersebut, sepuluh papan interpretasi telah dipasang di sepanjang platform laluan pejalan kaki untuk merungkai rahsia alam dan biodiversiti.


Disediakan oleh: Nadirah binti Rosli
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



Rumah kaunter tiket baharu yang bertemakan *Tudor style*



Menara tinjau setinggi 50 meter menampakkan pemandangan sekitar Cameron Highlands, puncak Gunung Irau dan Gunung Brinchang



Mercu tanda baharu yang pasti menarik perhatian pengunjung



Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: <http://www.forestry.gov.my>